

Sosialis



DARI KORUPTOR KE DIKTATOR



baca lanjut di m/s 4



Skandal Bauksit di Kuantan

> m/s 6



Di sebalik tabir kempen Selamatkan Zulkifli

> m/s 5



Sistem kerja kontrak miskinkan pekerja

> m/s 7

AJK Pusat PSM ditahan bawah Akta Hasutan

> m/s 10

Malaysia tetap dibuli dalam TPPA

> m/s 4

Ada apa di sebalik selimut?

Meninjau hubungan UMNO-PAS

baca lanjut di m/s 8 & 9

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di

semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.
- ★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia
22A, Jalan Vivekananda,
Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.
Tel: 603-22747791
Fax: 603-87374772
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan,
sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313

PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.



DARI MEJA PENGARANG

Tahun 2016 bakal menjadi satu tahun yang mencabar kepada gerakan rakyat. Tirai tahun 2016 untuk PSM dibuka dengan penahanan semula Khairul Nizam Abd Ghani, AJK Pusat PSM, di bawah Akta Hasutan, suatu akta zalim yang tidak asing lagi sejak kebelakangan ini kerana sering digunakan untuk menangkap dan menghukum aktivis yang mengkritik mereka yang berkuasa.

Pemerintahan UMNO-BN pimpinan Najib yang semakin tergugat sudah pastinya sedang mencuba segala kaedah untuk mengekalkan kekuasaannya. Kaedah terbaru untuk Najib terus pegang pada kuasa, adalah melakukan "kudeta sendiri", satu rampasan kuasa yang memindahkan kuasa daripada kabinet untuk dipusatkan dalam tangan Majlis Keselamatan Negara yang diketuai oleh Perdana Menteri dan berkuasa mutlak untuk mengumumkan darurat dengan cara mengisytiharkan zon keselamatan bila-bila masa. Ini merupakan "transformasi" daripada koruptor kepada diktator.

Apabila rejim pemerintah semakin hari semakin memusatkan kuasa dalam tangan pimpinan yang korup untuk menjaga kepentingan kelas pemerintah, rakyat biasa terus terhimpit dalam kesengsaraan hidup disebabkan oleh tekanan ekonomi harian. Kenaikan harga barangan, kenaikan tambang pengangkutan

awam, gaji yang rendah, semuanya menyebabkan rakyat miskin semakin miskin. Perlebaran jurang antara yang kaya dengan yang miskin adalah asas kepada ketidakadilan ekonomi dan ketidakadilan sosial di negara kita. Rejim yang hanya mementingkan survival sendiri dengan kaedah kuku besi tidak akan menyelesaikan permasalahan yang serius ini.

Lebih-lebih lagi, kerajaan pimpinan Najib langsung tidak pedulikan bantahan rakyat dalam usahanya menjual kepentingan rakyat kepada korporat besar multinasional. Kerajaan sedang beria-ia dan melulu untuk menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) atas desakan kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Proses membuat sesi penerangan dan memanggil sesi persidangan dalam Parlimen untuk membincangkan TPPA hanya merupakan sandiwara yang tiada makna kerana keputusan sudahpun dibuat oleh kerajaan. Kerajaan jenis apakah ini yang sanggup tunduk pada kehendak kekuasaan korporat besar untuk menggadaikan hak dan kepentingan rakyat?

Dengan situasi politik yang semakin tidak menentu dan keadaan ekonomi yang semakin membebaskan rakyat biasa, adalah penting untuk kita terus membina dan memperkasakan kuasa rakyat dalam perjuangan menuntut demokrasi sejati dan keadilan sosial. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
■ **22A, Jalan Vivekananda, Brickfields**
■ **50470 Kuala Lumpur**
■ Tel: 603-22747791
■ Fax: 603-87374772
■ Website- <http://partisosialis.org/>

Solidariti untuk Khairul Nizam

Penahanan Khairul Nizam (AJK Pusat PSM) di bawah Akta Hasutan telah mendapat perhatian ramai. Aksi solidariti telah diadakan untuk menuntut pembebasan Khairul Nizam. Selepas Khairul Nizam ditahan semula pada 8 Januari, ahli-ahli PSM dan juga kenalannya telah membuat aduan polis di beberapa tempat, untuk memberi desakan kepada polis supaya membebaskannya segera.



Kuala Lumpur



Johor Bahru



Buntong



Sungai Siput

Kempen Bantah TPPA berterusan

PSM telah giat mengadakan aktiviti pengedaran risalah dan penerangan tentang kesan buruk TPPA. Anggota PSM telah mengadakan aktiviti kempen Bantah TPPA di Kuala Kangsar, Sungai Siput, Gerik, Teluk Intan, Bagan Serai, Klang, Semenyih, Sabak Bernam, Kuala Terengganu dan beberapa tempat lagi.



Bagan Serai



Sabak Bernam



Kuala Terengganu



Semenyih

SUA PSM disiasat kerana sidang akhbar



Sivarajan, Setiausaha Agung PSM, telah dipanggil untuk disoalsiasat pada 14 Disember yang lalu, di IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur. Sivarajan disiasat di bawah Seksyen 9 (5) Akta Perhimpunan Aman, berkenaan dengan penglibatannya dalam satu sidang akhbar membantah TPPA yang berlangsung pada 20 November yang lalu di hadapan Bangunan Tabung Haji, Kuala Lumpur.

Adakah mengadakan sidang akhbar di tempat awam juga melanggar Akta Perhimpunan Awam? Jika ya, ini adalah satu jenaka yang amat besar. Jelas penyiasatan sebegini adalah taktik intimidasi ke atas aktivis politik.

Pekerja kontrak tiada jaminan kerja



Pekerja-pekerja sokongan Hospital Bahagian Ulu Kinta, Tanjung Rambutan, Perak, telah mengadakan satu protes di hadapan Kementerian Kesihatan di Putrajaya pada 17 Disember yang lalu. Turut bersama dengan para pekerja adalah M. Sarasvathy, Timbalan Pengerusi PSM. Seramai 150 orang pekerja sokongan di Hospital Bahagian Ulu Kinta menghadapi masalah jaminan kerja dan kebajikan pekerja apabila kontrak dipindahkan kepada majikan baru.

Sistem kerja kontrak telah

memangsakan pekerja, menyebabkan pekerja tiadanya jaminan kerja dan perlindungan kebajikan yang sepatutnya. Kerajaan yang menswastakan pengupahan pekerja di premis kerajaan kepada syarikat swasta melalui sistem kontrak, bagaikan melepaskan tanggungjawabnya dalam menjamin pendapatan dan menjaga kebajikan pekerja. PSM berpendirian bahawa agensi kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan tidak patut berfungsi seperti sebuah syarikat perniagaan yang mengabaikan hak pekerja.



Lawatan solidariti ke Kedutaan Venezuela

Pimpinan PSM telah mengadakan kunjungan solidariti ke Kedutaan Venezuela di Kuala Lumpur pada 18 Disember yang lalu. Dalam pertemuan dengan Duta Venezuela, Manuel Antonio Guzman, delegasi PSM telah mendapat informasi tentang perkembangan terkini di Venezuela selepas pilihanraya parlimen di negara tersebut baru-baru ini. Proses Revolusi Bolivarian di Venezuela sedang menghadapi cabaran yang hebat, tetapi Guzman berpandangan bahawa rakyat Venezuela boleh mengharunginya dengan semangat revolusioner yang hebat.



Perak

Pada 22 Disember yang lalu, Sivarajan, Setiausaha Agung PSM, telah bertemu dengan ahli-ahli PSM yang akan menubuhkan Unit baru di Kampar, Menglembu dan Tronoh di negeri Perak. Keanggotaan dan organisasi PSM telah berkembang dengan pesat di negeri Perak baru-baru ini.

Sambil lalu, ambil tahu



Pernakah anda inginkan hak untuk mengundi bagi mengusir penguasa? Pada zaman dahulu, rakyat Athens boleh mengundi setiap tahun, bagi membuang sesiapa yang mempunyai kuasa yang semakin besar. Jika seseorang yang berkuasa itu dianggap mengancam demokrasi, nyahkan saja dia. Proses ini dipanggil sebagai Ostrasisme atau 'Pemulauan'.

Akta Majlis Keselamatan Negara

Siapa terancam? Siapa mengancam?



Pada bulan Oktober 2015, Perdana Menteri Najib Razak mengumumkan bahawa satu undang-undang berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara akan digubal. Selepas itu, dengan pantas kilat, Rang Undang-undang (RUU) Majlis Keselamatan Negara dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada awal Disember dan di Dewan Negara pada 22 Disember 2015.

Sebelum RUU Majlis Keselamatan Negara ini dibentang dalam parlimen, tiada sebarang proses rundingan atau penerangan diadakan dengan mana-mana pihak, termasuk Majlis Peguam Negara, SUHAKAM atau rakyat jelata. Semua suara bangkangan dan bantahan tidak dihiraukan sama sekali. Semuanya atas nama KESELAMATAN NEGARA atau membanteras ANCAMAN pegganas. Akta baru ini memberikan kuasa yang amat luas kepada Perdana Menteri dan eksekutif.

Persoalannya di sini siapa yang terancam? Siapa yang menjadi ancaman?

Mengapa Kerajaan BN mahukan satu akta seperti ini? Betulkah negara Malaysia menghadapi ancaman pegganas yang serius. Jika betul, adakah kenyataan Ketua Polis Negara pada akhir tahun lalu bahawa Malaysia selamat daripada ancaman itu tipu belaka?

Kerajaan menggunakan Peristiwa Lahad Datu sebagai contoh keadaan di mana undang-undang ini diperlukan. Peristiwa Lahad Datu memang dikesali

tetapi ia berlaku 2 tahun lalu. Mengapa kini kerajaan meluluskan akta zalim yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dengan begitu tergesa-gesa?

Sebaliknya, adakah ini usaha pemimpin negara terutamanya Perdana Menteri untuk mengukuhkan pengaruh dan kedudukannya?

Apabila seseorang pemimpin itu lemah, ia akan menggunakan sebarang alat dan kuasa yang ada padanya untuk mempertahankan kedudukannya. Najib kini dilihat sebagai seorang pemimpin yang lemah dan PM yang paling tidak popular.

Skandal RM2.6 bilion yang tidak terjawab, pelaksanaan cukai GST, kenaikan tambang keretapi, komuter, LRT, ERL dan bas serta kenaikan tol yang mendadak, tindakan *u-turn* dan salahguna kuasa dalam isu undang-undang zalim seperti Akta Hasutan, SOSMA, POTA, POCA, semuanya menyebabkan rakyat marah.

Ekonomi negara semakin lemah. Ringgit semakin jatuh nilainya di pasaran matawang antarabangsa. Hutang negara meningkat lagi. Pengangguran akan bertambah lagi.

Najib lakukan kudeta sendiri

Parti BN-UMNO serta komponennya MCA dan MIC semakin hilang pengaruh. Krisis dalaman UMNO menyebabkan parti itu semakin lemah. Perhimpunan Agung UMNO ditangguhkan buat sementara waktu, dan kemudiannya apabila Perhimpunan Agung diadakan, kebebasan bersuara ahlinya disekat, termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri yang masih menjadi Timbalan Presiden UMNO. Kritikan Tun Dr. Mahathir memburukkan lagi keadaan Najib dan UMNO. MIC sudah tidak relevan lagi apabila pemimpinnya sibuk bergaduh merebut jawatan. MCA sudah lama kehilangan kepercayaan orang Cina. Malah pada PRU-13, BN kalah di Semenanjung Malaysia.

Jadi, nampaknya Najib dan Kerajaan BN yang benar-benar terancam. Ancaman kepada mereka adalah rakyat itu sendiri, kerana takut mereka diguling pada PRU yang akan datang.

Maka senjata seperti Akta Majlis Keselamatan Negara amat diperlukan untuk menakutkan rakyat, menunjukkan kuasa pemimpin dan terus kekal sebagai pemerintah. Sebab itulah kumpulan NGO lancarkan kempen #taknakdiktator.

Apa yang dilakukan oleh Najib sebenarnya adalah satu kudeta sendiri, bukan rampasan kuasa yang jatuhkan dirinya tetapi menggulingkan kuasa kabinet untuk menumpukan kuasa kepada 8 orang Ahli Majlis Keselamatan Negara yang dipimpin oleh dirinya

sendiri.

Peristiwa seperti ini pernah berlaku di negara lain seperti Korea Selatan, Iran, Thailand dan Filipina, di mana pemimpinnya menumpukan kuasa pada dirinya dan menjadi diktator melalui “kudeta sendiri”.

Lagi pun Malaysia memang terkenal dengan salahguna undang-undang untuk menghapuskan suara pembangkang. Kita masih ingat bagaimana Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Ordinan Darurat digunakan ke atas rakyat dan pemimpin politik yang melawan penindasan dan ketidakadilan.

Jadi, kita sedang menantikan satu ancaman yang besar daripada pemimpin negara yang sedang terancam kedudukan mereka. ##

TPPA: Malaysia tetap dibuli

Para pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang terlibat dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) sejak tahun 2010, kerap kali memberi keyakinan bahawa perjanjian TPPA ini bukannya dilaksanakan atas desakan daripada Amerika Syarikat (AS). “*Amerika hanya sebuah negara di kalangan 12 negara, mereka ni sama macam kita,*” ujar salah seorang pegawai perunding MITI.

Namun, mereka tidak pernah membongkarkan kebenaran bahawa selain daripada membentuk halatuju rundingan 12 negara tersebut, Amerika Syarikat juga boleh terus mendesak sesebuah negara TPPA dengan pelbagai tuntutan selepas perjanjian ini ditandatangani dan teksnya dipersetujui semua. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Mustapa Mohamed begitu yakin bahawa Malaysia telah berjaya memperolehi pelbagai konsesi dan pengecualian khas daripada rundingan TPPA ini, tetapi malangnya kejayaan tersebut hanyalah sementara.

Kini, perjanjian antara 12 negara ini dijangka akan ditandatangani pada bulan Februari 2016 di New Zealand. Walaupun TPPA dipersetujui oleh negara yang lain, tetapi proses penerimaan dan ratifikasi di AS adalah suatu proses yang panjang.

Apabila AS memaklumkan niatnya untuk menandatangani TPPA, maka Suruhanjaya Perdagangan Antarabangsa (*International Trade Commission*) di AS akan ditugaskan untuk menyediakan laporan kepada Kongres AS mengenai baik buruknya TPPA ini. Selepas TPPA ditandatangani oleh Presiden Obama, suatu rang undang-undang Implementasi perlu dibentangkan oleh Obama kepada Kongres AS.

Tetapi jika rang undang-undang ini dibentangkan pada bulan Februari 2016, ianya amat tidak sesuai kerana kempen pilihanraya Presiden akan bermula pada ketika itu. Oleh kerana terdapatnya bantahan di kalangan Parti Demokratnya sendiri terhadap TPPA, maka ianya menjadi suatu tindakan yang tidak popular untuk membincangkan TPPA pada masa

pilihanraya .

Kempen pilihanraya ini hanya akan berakhir pada akhir tahun 2016. Justeru, isu TPPA ini akan diabaikan sehingga selesainya pilihanraya Presiden baru Amerika Syarikat.

Perubahan Presiden Amerika

Jika Presiden AS baru tidak setuju dengan TPPA atau tidak puashati dengan terma-terma perjanjian itu, maka beliau boleh membuka semula teks perjanjian tersebut. Contohnya, kes di mana perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani oleh Presiden Bush dengan negara Panama, Colombia dan Korea Selatan. Apabila Presiden Obama mengambilalih kuasa, beliau sekali lagi membuka rundingan dengan Colombia. Perjanjian juga dibincang semula dengan Korea Selatan di mana Presiden Obama mendesak untuk memperolehi lebih banyak konsesi dari segi eksport automobil dan barangan pertanian. Hanya selepas negara Korea bersetuju dengan rundingan baru ini, barulah pihak Kongres AS bersetuju menerima perjanjian perdagangan bebas ini.

Proses Pensijilan oleh AS

Untuk TPPA berkuatkuasa, AS akan memastikan bahawa semua negara TPPA yang lain telah selesai meminda undang-undang dan peraturan masing-masing selaras dengan terma-terma TPPA. Hanya apabila kepastian ini diterima, maka barulah AS akan menerima TPPA untuk dikuatkuasakan. Ini dinamakan sebagai proses pensijilan (*certification process*) oleh AS.

Proses pensijilan ini pernah digunakan oleh AS untuk terus “membuli” negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia untuk meminda undang-undang kita sehingga ianya benar-benar mematuhi kehendak korporat besar AS.

Di sinilah AS menggunakan kuasanya untuk menuntut perkara-perkara tambahan (yang mungkin tidak diteliti dalam perjanjian asal TPPA) sebagai syarat kelulusan proses pensijilan ini.

(sambung di m/s 12)

Ada apa dengan Majlis Keselamatan Negara?

Di bawah RUU baru ini, ahli Majlis Keselamatan Negara terdiri daripada:

- Perdana Menteri
- Timbalan Perdana Menteri
- Menteri Dalam Negeri
- Menteri Pertahanan
- Menteri Komunikasi dan Multimedia
- Ketua Polis Negara
- Panglima Angkatan Tentera
- Ketua Setiausaha Negara

Kuasa yang diperuntukkan di bawah RUU baru ini:

- Kuasa mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai zon keselamatan oleh Perdana Menteri.
- Dalam zon keselamatan ini, badan seperti tentera dan polis berkuasa.
- Sesiapa sahaja boleh ditangkap tanpa waran.
- Rumah/bangunan/premis boleh dimasuki dan digeladah tanpa waran.
- Barangan dan harta seperti rumah, tanah dan kereta boleh diambil alih oleh polis atau tentera.

- Majlis Keselamatan Negara di bawah RUU ini mempunyai kuasa luas dan boleh memberi arahan kepada mana-mana kementerian, jabatan, agensi, pejabat, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga dan majlis di peringkat Persekutuan dan Negeri.
- Kesemua ahli Majlis Keselamatan ini termasuk Ketua Pengarahnya dilantik oleh Perdana Menteri, bermakna ia tidak bebas dan dikawal oleh PM.
- Pengisytiharan zon sekuriti adalah 6 bulan dan ianya boleh disambung lagi.
- Terdapat kuasa untuk mengetepikan inkues berkenaan dengan anggota pasukan keselamatan dan mana-mana orang yang dibunuh dalam kawasan keselamatan.
- Tiada definisi keselamatan negara dalam Akta ini menyebabkan ianya terlalu luas dan mudah disalahgunakan.

oleh Nik Aziz Afiq Bin Abdul
AJK Pusat Pemuda Sosialis
3 Jan 2016

Hari ini, ketika artikel ini ditulis, iaitu 3 Januari, bermakna sudah menjangkau 7 hari Zulkifli Ismail meringkuk dalam tahanan. Bermakna 7 hari juga warung kecil sarapan pagi yang diusahakan isterinya di sebuah kampung terpencil di Daerah Kerteh, Terengganu, tidak dapat dibuka. 7 hari ini menyebabkan beliau terlepas menyambut ulangtahun ketiga kelahiran anak ketiganya.

Sebenarnya tiada sambutan pun. Semua dalam keadaan berduka, maka tiada apa-apa keraian yang boleh dilakukan ketika ini.

Bagaimana kami mengenali Zulkifli?

Saya terbaca sebuah tulisan berita antara isi kandungannya, "perompak kedua berjaya ditahan untuk diambil keterangan, berdepan tuduhan 302 tuan rumah yang membunuh perompak."

Saya membaca artikel itu berulang kali. Saya tak faham. Apa salahnya tuan rumah mempertahankan diri dan harta sehingga tuan rumah pula berdepan dengan tindakan undang-undang?

Saya akui saya agak emosional. Saya menangis dan agak tertekan. Ketika itu, Zulkifli sedang dalam tahanan reman 7 hari. Saya meluahkan perasaan dalam group WhatsApp PSM Kelantan dan group Jawatakuasa Pemuda Sosialis, meminta pandangan mereka, kemudian saya juga hubungi Arul meminta pandangan.

Masing-masing sedih dengan apa yang berlaku. Pemuda Sosialis telah meminta Syazwani, anggota Pemuda dari Terengganu untuk menjalankan siasatan dan mendapatkan maklumat serta nombor telefon keluarga yang boleh dihubungi.

Saya menelefon Puan Zaimah melalui talian Ibupejabat PSM dan sangat kecewa apabila mendapat maklumat bahawa reman 7 hari kini ditambah lagi 7 hari.

Kemudian kami teruskan sesi perbincangan melalui WhatsApp, akhirnya dapat satu keputusan untuk Pemuda menganjurkan lawatan segera ke rumah beliau di Kerteh, Terengganu.

Mewakili kepimpinan, saya bertolak dari Selangor dan bergabung dengan anggota Pemuda Sosialis dari Kelantan dan Terengganu. Kebetulan ketika itu sedang diadakan roadshow bantah TPPA oleh PSM Kelantan dan Terengganu di Kuala Terengganu. Saudara Sivarajan, Setiausaha Agung juga ada bersama. Cuma kami berpecah sebentar pada waktu petang untuk mengadakan lawatan tersebut sekitar hampir 2 jam perjalanan dari

Kuala Terengganu.

Sebaik sampai dalam waktu yang hampir pukul 7 petang, Zulkifli meluru ke arah kereta kami, belum sempat mati enjin, dia buka pintu kereta saya terus peluk sekuat hati. Ucap terima kasih kerana ada orang sudi hadir malah kerana kerap bertanya khabar keluarga saat dia dalam reman.

Beliau ketika itu baru beberapa hari dibebaskan setelah direman 14 hari dengan penukaran pertuduhan kes dari Seksyen 302 kepada Seksyen 304 Kanun Keseksaan yang membolehkan beliau diikat jamin sebanyak RM 15 000.

Kami dijemput masuk dalam rumah yang sangat daif, ruman papan yang didiami 5 orang anggota keluarga ini sangat menyedihkan. Jarak dari pintu depan ke pintu belakang tak sampai 10 langkah saya rasa.

Beliau dan isterinya terus menjamu kami makan "nasi minyak". Di Selangor, nasi minyak merupakan hidangan istimewa sempena perkahwinan atau majlis besar, di Terengganu pula ia telah menjadi makanan harian, malah Zulkifli dan isteri memang memasak makanan ini setiap hari di warung mereka.

Sambil makan beliau menceritakan apa yang berlaku ketika kejadian.

Mengikut beliau, kejadian bermula apabila 2 orang mencurigakan menaiki motosikal melalui warung mereka dan menuju ke arah rumah mereka sekitar 300 meter dari warung tersebut.

Zulkifli kemudian mengekori dengan menaiki motosikal dan mendapati 2

orang lelaki berada dalam perkarangan rumahnya. Seorang daripada mereka berada di atas motosikal manakala seorang lagi sedang mengumpul generator miliknya di tepi dinding luar rumah.

Ketika mereka perasan kehadiran Zulkifli, lelaki yang berkawal di atas motosikal segera turun dan meluru ke arah Zulkifli sambil membawa objek yang tidak dapat dipastikan besi atau kayu. Melihat dirinya hampir diserang, Zulkifli mengambil parang kecil dalam raga motosikalnya dan berjaya menikam lelaki pertama.

Lelaki kedua yang mengumpul genarator tadi melihat keadaan itu terus meluru ke arah Zulkifli bagi membantu kawannya itu dan Zulkifli berjaya menikam lelaki kedua itu pula.

Lelaki pertama segera menaiki motosikal dan melarikan diri ke seberang jalanraya, manakala lelaki kedua berlari ke arah kawannya di seberang jalan. Namun lelaki kedua rebah di atas pembahagi jalan dan mati di tempat kejadian.

Zulkifli telah menyerah diri di balai polis berdekatan dan kemudian direman.

Kami mengadakan Solat Hajat Khas bersama beliau dalam sebuah bilik kecil tanpa kipas. Terdapat beberapa tangki oksigen dalam bilik itu, rupanya ia adalah tangki yang digunakan untuk menyelam.

Zulkifli sekalipun anak kampung, beliau mempunyai hobi untuk menyelam. Bahkan mempunyai lesen menyelam bertauliah. Beliau pernah beberapa kali menyertai misi

mencari mayat yang lemas di dalam air dan seumpamanya.

Saat kami berpisah, kami doakan Zulkifli selamat dan tenang ketika sebutan kes yang akan berlaku beberapa hari selepas itu. Saya menulis satu artikel "Salahkah Pertahankan diri di Malaysia" yang disiarkan dalam portal *Malaysian Insider*.

Pada hari Ahad, 27 Disember 2015, pada saat sebutan kes berlaku, Zulkifli kemudian dituduh semula di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan, malah ditambah kepada satu lagi pertuduhan, iaitu Seksyen 326 Kanun Keseksaan. Saya terima berita itu ketika dalam kereta dan sangat terkejut. Macam tak percaya bagaimana beliau dulu dibebaskan dengan ikat jamin apabila pertuduhan ditukar, kini baru beberapa hari pertuduhan dikembalikan semula pada pertuduhan asal.

Saya hubungi rakan-rakan. Memaklumkan berita sedih ini kemudian menulis satu lagi artikel "Hero ke Tali Gantung" yang juga disiarkan dalam *Malaysian Insider*.

Kami tubuhkan satu jawatankuasa khas yang meliputi kepimpinan Pemuda Sosialis, anggota PSM Kelantan dan Terengganu, beberapa orang ahli keluarga Zulkifli serta beberapa orang peguam yang sudi memberikan pandangan.

Kami wujudkan page facebook "Selamatkan Zulkifli". 24 jam pertama page ini sudah mencapai 10 ribu likers. Ketika artikel ini ditulis page sudah mencapai 66 ribu likers.

Isu ini menjadi fenomena seluruh negara. Beberapa media arus perdana membuat liputan. Malah Ketua Polis Negara juga terpaksa respon pada isu ini. Perdebatan hangat di media sosial penuh pro dan kontra serta sambutan yang diterima sangat memberangsangkan.

Laporan Facebook menunjukkan lebih 1.5 juta pengguna telah bercakap mengenai Zulkifli. Sokongan dan tentangan bertali arus.

Kini perjuangan masih terlalu baru bermula, kami akan terus melangkah membela Zulkifli dan keluarganya. Periuk nasi keluarganya benar-benar terancam dengan penahanan beliau.

Kita boleh berbeza pendapat sama ada Zulkifli bersalah atau tidak. Namun saya juga yakin kita boleh sependapat bahawa keluarga beliau perlu diberi bantuan segera! ##



Penulis (kiri dalam gambar) bersama dengan Zulkifli, semasa mengunjung ke rumahnya di Kerteh, Terengganu.

Kuantan, bauksit dan kehidupan yang dikhianati

oleh Wan Zamzahidi

Kuantan dan bauksit sudah menjadi satu perkara yang sinonim. Dalam setengah tahun kedua 2015, isu ini makin sering dan makin hangat diperkatakan terutamanya di media-media sosial seperti facebook, twitter dan sebagainya. Lebih menyedihkan lagi, ianya menjadi seperti satu isu yang jelas tapi tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa. Tambahan pula, penafian demi penafian daripada pihak yang terlibat semakin membangkitkan kemarahan masyarakat kerana mereka telah melihat kemusnahan yang nyata di depan mata akibat daripada aktiviti ini. Berkait dengan ini juga, satu badan bukan kerajaan telah ditubuhkan di bawah nama Gerakan Hentikan Pencemaran Bauksit (GERAM), yang mana antara tunjang utamanya adalah Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh.

Bauksit adalah sejenis galian yang menjadi asas kepada penghasilan aluminum. Selain penghasilan aluminum, bauksit juga digunakan dalam pembuatan bahan abrasif dan juga sebahagian lain untuk bertindak sebagai *proppant* dalam penggalan minyak dan gas. Seratus-peratus daripada bauksit yang dilombong di Malaysia, dieksport untuk memenuhi permintaan aluminum yang tinggi di negara China.

Mengikut rekod, pada tahun 2010, Australia mendominasi pengeluaran bauksit dengan hampir 69 juta tan bauksit dilombong diikuti China dengan 44 juta tan dan Brazil hampir 30 juta tan. Di Malaysia, sekitar tahun 2004, hanya lebih kurang 2000 tan bauksit dikeluarkan tapi meningkat seratus kali ganda pada 2013 dengan hampir 210 ribu tan dan meningkat ke hampir 1 juta tan dalam tahun 2014. Statistik untuk tahun 2015 belum diperolehi tetapi beberapa sumber menganggarkan sekitar 20 juta tan telah dieksport ke China dalam tahun 2015 sahaja. Kenaikan mendadak ini antara lain juga berpunca daripada sekatan yang dikenakan oleh Kerajaan Indonesia terhadap pengeluaran bauksit di negaranya yang sebelum ini merupakan pengeluar bauksit ketiga terbesar.

Kawasan utama perlombongan bauksit adalah di kawasan Bukit Goh, Bukit Sagu, Sungai Karang dan beberapa kawasan lain sekitar Kuantan. Kebanyakan dari kawasan ini adalah kawasan penanaman kelapa sawit yang diusahakan oleh peneroka Felda dan mereka ini sebagai tuan tanah, memperolehi pendapatan sekitar RM 1 juta hingga 1.8 juta jika kawasan tanah mereka mengandungi bauksit. Umpun duit lumayan ini telah menyebabkan sebahagian besar pemilik tanah ini sanggup mengizinkan tanah yang diusahakan oleh mereka digali dan diambil untuk tujuan ini.

Industri bauksit di Malaysia tidak sebesar negara-negara pendominasi dalam industri ini. Tapi kita melihat cukup banyak keburukan dan kesan kepada kehidupan daripada industri ini. Kesan paling utama yang akan

menjejaskan ekosistem adalah penggondolan hutan. Buat masa ini, bauksit di sekitar Kuantan diambil dari tanah-tanah peneroka yang mempunyai tanaman sawit dan juga semak. Namun tidak mustahil, bilamana adanya mineral ini, hutan akan turut menjadi mangsa kepada kerakusan dan ketamakan mereka yang terlibat. Dalam situasi sekarang pun, telah ada tanah-tanah pinggir hutan yang diceroboh secara haram untuk perlombongan bauksit ini. Ini adalah sangat serius dan perlu dihentikan sebelum kerosakan yang lebih buruk berlaku.

Kesan kedua adalah pencemaran udara. Kita melihat udara di sekitar kawasan perlombongan, kawasan laluan dan penyimpanan dan juga kawasan pengendalian eksport bauksit telah teruk tercemar, di mana dalam satu pemantauan yang dijalankan pada penghujung Disember 2015 oleh sekumpulan 17 pakar di tiga lokasi berkaitan perlombongan dan pengendalian bauksit, iaitu di Bukit Goh, Beserah dan Kawasan Perindustrian Gebeng menunjukkan tahap PM10 melebihi daripada had yang dibenarkan. Hasil ini dapat dibaca dalam akhbar *The New Straits Times* keluaran 3 Januari 2016 di mukasurat 4. Kebanyakan kawasan perlombongan bauksit ini adalah kawasan berhampiran dengan kediaman, ditambah dengan pengangkutan yang tidak terkawal, dengan lori-lori yang tidak ditutup sepenuhnya telah memberikan kesan yang sangat buruk kepada masyarakat setempat. Banyak perniagaan terutamanya pekedai makanan di sepanjang jalan laluan pengangkutan bauksit terpaksa sama ada mengeluarkan kos tambahan mengubahsuai kedai atau menutup terus perniagaan akibat daripada masalah ini.

Dalam satu tulisannya, seorang pakar perunding kesihatan awam dan toksikologi UKM, iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Hasni Jaafar, telah menjelaskan tentang bahaya kandungan logam yang wujud dalam bauksit seperti aluminum hidroksida, titanium oksida, ferum oksida dan juga silika reaktif yang akan mengakibatkan masalah-masalah kulit, masalah penglihatan, masalah pernafasan dan yang paling teruk, ianya boleh menjejaskan keadaan saraf-saraf otak sekaligus boleh mendatangkan masalah yang cukup besar kepada kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Debu-debu bauksit ini telah melitupi hampir keseluruhan tempat dari kawasan perlombongan melalui laluan pengangkutan, penyimpanan dan pelabuhan eksport, mengakibatkan semuanya menjadi kuning



kemerahan seumpama di planet Marikh. Kenderaan lain yang melalui kawasan ini juga akan menjadi kotor dan lebih menyusahkan lagi, sekiranya tidak dibersihkan dengan segera, bahan oksida dalam bauksit ini mampu mengakibatkan bahagian-bahagian kenderaan menjadi berkarat seterusnya mengakibatkan kerosakan yang lebih teruk.

Kesan seterusnya adalah pencemaran sungai dan laut. Sungai merupakan sumber kepada kehidupan, di mana bekalan air untuk kegunaan domestik dan juga perindustrian diambil dan diproses dari sungai. Kajian yang dijalankan pada sumber air ini menunjukkan wujudnya logam berat di dalam air ini. Kewujudan logam-logam berat ini akan mengakibatkan masalah kesihatan yang serius kepada 700,000 penduduk di sekitar Kuantan yang bergantung kepada bekalan air dari loji-loji penapisan air sepanjang sungai yang telah dicemari. Satu kajian tentang air mentah dan air terawat yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik diketuai oleh Profesor Dr. Maketab Mohamed dari Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Teknologi Malaysia mendapati sampel-sampel air mentah yang diambil dari sekitar Loji Air Bukit Goh dan Loji Air Bukit Sagu menunjukkan kadar aluminum dalam air hampir empat kali ganda melebihi had yang dibenarkan dan sampel air terawat pula menunjukkan kadar aluminium melebihi sedikit daripada had yang dibenarkan iaitu 0.2 mg/L. Selain itu, kajian di kawasan sekitar Semambu mendapati kadar plumbum dalam air terawat telah melebihi had piawai iaitu 0.01 mg/L. Kesan jangka masa panjang kewujudan kandungan aluminum berlebihan dalam air adalah kerosakan pada otak yang akan mengakibatkan masalah Alzheimer dan Sindrom Parkinson.

Selain daripada sumber air, sungai juga membekalkan ikan untuk makanan penduduk. Satu kajian yang dijalankan pada hujung Disember 2015 oleh sekumpulan saintis, telah mengesan kehadiran kandungan arsenik (sejenis bahan beracun) yang tinggi dalam ikan-ikan yg ditangkap di Sungai Pengorak.

Kandungan arsenik dalam 3 sampel ikan dilaporkan mengandungi 70.8 sehingga 104.5 g/kg, melebihi sebanyak 70,000 kali tahap

arsenik yg dibenarkan dalam ikan dan produk marin oleh Akta Makanan Malaysia 1985, iaitu hanyalah 1 mg/kg. Malah, Jabatan Perikanan Negeri Pahang melalui pengarahnya iaitu Adnan Husain, pada 31 isember 2015, telah menasihatkan penduduk untuk tidak memakan hasil tangkapan dari kawasan yang dicemari.

Kesan seterusnya yang tidak kurang bahayanya

adalah keselamatan pengguna jalanraya di laluan pengangkutan bauksit ini. Memandangkan pengusaha perkhidmatan pengangkutan mengejar keuntungan yang lebih dengan bilangan "trip" yang lebih, terdapat banyak kes di mana faktor keselamatan telah diketepikan. Pemandu lori yang membawa lori melebihi muatan, mengatasi hadlaju yang dibenarkan dan membawa dalam keadaan yang membahayakan pengguna lain sudah sering menjadi kecaman, namun perkara ini masih berterusan. Pada tahun 2015 sahaja, tidak kurang daripada 40 kemalangan membabitkan lori-lori yang membawa bauksit telah berlaku dan tiga nyawa telah menjadi korban atas ketamakan ini. Impak keselamatan ini bukan hanya kepada pengguna sahaja, malahan telah sekian banyak kemalangan yang membabitkan kenderaan-kenderaan agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan agensi-agensi lain. Agak pelik apabila melihatkan keadaan ini berlaku, tetapi tiada satu pun tindakan menyeluruh dilakukan oleh mereka bagi menangani masalah ini.

Selain daripada kesan yang disebutkan di atas, terdapat juga kesan sampingan daripada aktiviti perlombongan dan eksport bauksit ini, di mana telah wujud kes-kes samseng dan kongsi gelap yang mengawal mengikut kawasan dan pertembungan antara samseng ini telahpun menyebabkan kes jenayah berlaku. Selain itu, perlindungan daripada samseng ini menyebabkan pemandu-pemandu lori bauksit semakin berani untuk membawa kenderaan dalam keadaan yang membahayakan pengguna-pengguna jalanraya yang lain. Walaupun kes ini agak kecil dan terencil, namun seandainya aktiviti ini berterusan, kita tidak boleh menolak kemungkinan ianya akan merebak menjadi satu penyakit sosial yang serius. Kesan tidak langsung daripada kemarahan memuncak masyarakat juga telah mengakibatkan sehingga hari ini, enam buah lori yang digunakan untuk mengangkut bauksit telah dibakar dan disyaki dilakukan oleh penduduk setempat. Walau bagaimanapun, ini sedikitpun tidak merencatkan aktiviti ini malahan menjadi lebih giat lagi.

(sambung di m/s 7)



Pada 7 Januari yang lalu, Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan yang terdiri daripada pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan, telah mengunjungi Putrajaya dan mengadakan satu perbincangan dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), berkenaan dengan masalah pekerja-pekerja kontrak yang diupah bekerja di premis Kementerian. Turut bersama dengan wakil Jaringan dalam perbincangan tersebut adalah anggota Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang melibatkan diri dalam isu ini.

Pihak pekerja telah mengadu tentang penindasan dan pemerasan yang dialami oleh mereka. Mereka menuntut supaya KPM mengambil tanggungjawab dan memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.

4 tuntutan telah dikemukakan, dan pihak KPM juga memberi komitmen untuk menyiasat dan mencari penyelesaian bagi tuntutan berkaitan dengan masalah pekerja. Jaringan Pekerja Kontrak juga menyerahkan satu senarai 19 kontraktor yang bermasalah kepada KPM untuk tindakan.

Lebih 80% kontraktor pilihan kerajaan melanggar undang-undang kerja!

PSM telah menjalankan satu kajian yang melibatkan 37 kontraktor di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan

(sambung dari m/s 6)

Beberapa orang pakar dan ahli akademik telah bersuara berkaitan hal ini. Ini menunjukkan betapa seriusnya masalah ini. Misalnya Profesor Emeritus Ibrahim Komoo, Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara merangkap Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia, dalam rencananya yang tersiar di akhbar Berita Harian bertarikh 4 Januari 2016 di mukasurat 30, antara lain menegaskan bahawa pencermaran air dan udara akibat perlombongan bauksit sudah tidak terkawal. Ianya mungkin berpunca daripada industri ini dibangunkan secara tergesa-gesa selepas melihat wujudnya peluang keemasan dan menimbulkan krisis antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Yang pasti, perlombongan bauksit ini telah melampaui kelestarian alam.

Bagaimanapun, suara-suara ilmiah daripada mereka ini telah dipandang sepi oleh pihak-pihak yang sepatutnya menjadi tulang belakang kepada kesejahteraan masyarakat. Setakat ini, tiada langkah konkrit diambil oleh pihak seperti Jabatan Alam Sekitar, Jawatankuasa berkaitan Alam Sekitar Negeri Pahang ataupun Kerajaan Negeri Pahang sendiri berkaitan perkara ini.

Selain itu, isu berkaitan perlombongan dan pengendalian bauksit ini telah juga dibawa oleh Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, tetapi telah mendapat respon yang sangat mengecewakan di mana usulnya telah ditolak untuk dibincangkan. Walau bagaimanapun,

Sistem kontrak miskinakan pekerja

Johor. Dalam kajian PSM tersebut, didapati bahawa lebih daripada 80% kontraktor dalam kajian melanggar undang-undang kerja seperti berikut:

1. Masalah berkaitan gaji

- i. Lewat bayar gaji, kelewatannya antara 1 bulan hingga 10 bulan.
- ii. Masih tidak bayar mengikut gaji minimum RM900 sebulan.
- iii. Gagal bayar tunggakan gaji minimum untuk tahun 2013 dan 2014.

2. Masalah caruman KWSP dan PERKESO

- i. Tidak mencarum langsung.
- ii. Memotong caruman daripada gaji pekerja tetapi tidak masuk dalam akaun.
- iii. Caruman tidak dikira berdasarkan gaji sepenuhnya.
- iv. Kontraktor sendiri tidak mendaftar syarikatnya dengan KWSP dan PERKESO.

3. Kontraktor muflis

- I. Pekerja tidak dibayar gaji selama 10 bulan.
- ii. KPM tidak ambil tahu walaupun pekerja terus berkhidmat.

4. Masalah-masalah lain

- i. Tiada kontrak kerja.
- ii. Tiada slip gaji.
- iii. Tiada cuti sakit.
- iv. Pengiraan kerja lebih masa (OT)

komunikasi secara langsung dengan Kementerian Alam Sekitar telah mendatangkan sedikit impak positif, di mana pihak kerajaan pusat telah mengarahkan aktiviti perlombongan bauksit dihentikan sementara selama tiga bulan bagi mencari satu penyelesaian. Namun begitu, amat malang sekali kerana arahan ini tidak dipatuhi dan seolah kerajaan pusat tidak mempunyai kuasa apabila melibatkan galian dan perlombongan.

Secara tidak langsung, isu perlombongan bauksit ini telah memperlihatkan dengan jelas bagaimana manusia sanggup memperjudikan alam sekitar dan masa depan demi kepentingan wang ringgit dan kekayaan. Ketamakan dan kerakusan mereka ini telah bukan saja menjejaskan diri mereka tetapi turut mengakibatkan kesusahan kepada orang lain yang tidak berkenaan dengan mereka. Isu ini juga menunjukkan dengan jelas tentang kelemahan-kelemahan pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi kerajaan dan juga pentadbiran negeri Pahang dalam menangani masalah-masalah berkaitan perlombongan bauksit ini. Tidak mustahil wujud unsur-unsur rasuah dan pecah amanah yang menyebabkan pihak-pihak berkenaan seolah-olah membutakan mata dan memekakkan telinga dalam hal ini.

Berapa lama lagikah sebelum isu ini dapat ditangani sepenuhnya, berapa nyawa lagi harus menjadi korban, dan apakah yang mampu dilakukan oleh masyarakat untuk menghalang ketamakan dan kerakusan mereka ini, masih menjadi persoalan sehingga hari ini. ##

- yang salah.
- v. Tiada cuti rehat.
- vi. Jumlah hari untuk pengiraan gaji bulanan – 30 hari.
- vii. Gaji hari rehat dan cuti am dikira sebagai hari biasa.

Akibat keadaan ini, sebahagian besar pekerja kontrak di bawah KPM yang sudah pun berada dalam golongan B40 (iaitu 40% keluarga yang berpendapatan paling rendah di negara kita) dimiskinkan lagi oleh kontraktor pilihan KPM sendiri. Mereka menghadapi masalah menjelaskan perbelanjaan rumahtangga seperti sewa rumah, makanan dan minuman, bil air dan elektrik, pengangkutan, belanja persekolahan, bayaran hutang dan lain-lain lagi. Sebahagian besar daripada mereka juga tidak ada perlindungan KWSP dan skim insurans PERKESO.

Nasihat Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk melaporkan masalah yang dihadapi oleh pekerja kepada agensi kerajaan yang berkaitan. Kebanyakan daripada pekerja kontrak yang menghadapi masalah tidak bersedia membuat aduan di agensi-agensi kerajaan tersebut, sebab takut hilang kerja. Tetapi aduan di Jabatan Tenaga Kerja, pejabat KWSP dan pejabat PERKESO oleh segelintir pekerja pun, pada amnya, tidak dapat penyelesaian. Ini disebabkan oleh:

- Pihak kontraktor biasanya gagal menghadiri perundingan walaupun pihak Jabatan Tenaga Kerja menghantar surat kepadanya, maka perundingan sering ditunda.

- Walaupun pengadu menang di Mahkamah Buruh, kontraktor masih tidak bayar atau bayar separuh sahaja. Kemenangan kosong menjadi lumrah dan pengakhir kepada isu yang dibawa ke Jabatan Tenaga Kerja.
- Jabatan Tenaga Kerja memerlukan dokumen seperti kontrak kerja dan slip gaji untuk bertindak, tetapi banyak kontraktor tidak memberi dokumen-dokumen ini kepada pekerja mereka.
- Kontraktor tidak ada di alamat perniagaan mereka.

Pemangsaan pekerja kontrak KPM berpunca daripada sistem kontrak dan pelaksanaannya oleh KPM, maka KPM harus bertanggungjawab terhadap keadaan ini.

Adalah amat menghairankan kerana kerajaan sendiri telah mengabaikan tanggungjawab dan melanggar polisi asas kerajaan seperti pembayaran gaji minimum, KWSP dan PERKESO kepada pekerjanya di premisnya sendiri.

PSM juga mempertikaikan bagaimana kontraktor-kontraktor yang begitu teruk prestasi mereka dapat lagi diberikan kontrak oleh kerajaan. Bagaimana mereka yang mempunyai rekod buruk itu dianugerahkan kontrak semula lagi oleh KPM? Dalam keadaan ini, sikap kontraktor seolah-olah kebal daripada pendakwaan oleh agensi-agensi kerajaan tidaklah menghairankan. Apakah syarat-syarat kelayakan untuk dipilih sebagai kontraktor? Adakah pemilihan ini dilakukan secara telus?

4 tuntutan yang dikemukakan oleh Jaringan Pekerja Kontrak adalah:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia harus menyelesaikan dengan segera masalah tunggakan gaji yang belum dibayar, tunggakan gaji minimum untuk tahun 2013 dan 2014, caruman KWSP dan PERKESO yang gagal dicarum kepada pekerja-pekerja kontrak yang bekerja untuk 19 buah syarikat kontraktor yang dikenalpasti dalam kajian PSM.
2. KPM harus menamatkan kontrak untuk syarikat-syarikat yang menipu pekerja kontrak dari segi pembayaran gaji, OT dan caruman kepada KWSP dan PERKESO. Memotong caruman dan tidak memasukkan dalam akaun KWSP dan PERKESO adalah kesalahan jenayah, maka KPM harus membuat aduan polis terhadap kontraktor-kontraktor berkenaan. Pengarah-pengarah syarikat yang menipu harus disenaraihitamkan agar tidak diberi kontrak baru dalam apa jua kaedah termasuk melalui syarikat baru.
3. Selagi sistem kontrak wujud, KPM harus mewujudkan mekanisme untuk memantau dan bertindak bagi memastikan hak dan kebajikan pekerja kontrak KPM dilindungi. KPM harus bertanggungjawab terhadap masalah yang berpunca daripada sistem kontrak dan kontraktor yang menipu. KPM tidak harus mencuci tangan daripada tanggungjawabnya dengan merujuk aduan pekerja ini kepada Jabatan Tenaga Kerja. KPM secara tidak langsung adalah pihak utama yang mengupah pekerja-pekerja ini, maka tidak patut elakkan diri daripada memikul tanggungjawabnya.
4. KPM harus membatalkan sistem kontrak yang menyumbang kepada kesengsaraan golongan B40. KPM patut menjadikan pekerja pembersihan, pekebun dan pegawai keselamatan sebagai kakitangan tetap kerajaan, sebab:
 - Kerja-kerja ini merupakan kerja tetap yang perlu dilakukan sepanjang masa untuk sesebuah sekolah berfungsi, maka ia bercanggah dengan konsep kerja kontrak yang harus dipakai hanya untuk kerja sementara.
 - Sistem kontrak langsung tidak membawa sebarang manfaat untuk pekerja. Terma-terma kontrak menyebabkan pekerja kehilangan servis dan kenaikan gaji tahunan, jaminan kerja, pinjaman perumahan, faedah kesihatan dan pencen. Sistem kontrak menjana dan mengekalkan kemiskinan di kalangan satu golongan besar – lebih 50,000 pekerja di premis KPM sahaja.
 - Tambahan pula, sebahagian besar pekerja kontrak diperas lagi oleh kontraktor yang melanggar undang-undang kerja dan menipu pekerja. ##

Ada apa di sebalik selimut?

oleh S. Arutchelvan

Pada akhir tahun 2015, dua pemimpin parti politik Melayu terbesar di Malaysia, iaitu UMNO dan PAS, berkongsi pentas dalam program Multaqa Serantau Alumni Al-Azhar Malaysia. Kedua-dua pemimpin ini, Presiden UMNO Najib Razak dan Presiden PAS Hadi Awang, duduk bersebelahan memakai baju melayu berwarna merah jambu. Ini menimbulkan pelbagai kritikan dan sindiran daripada pihak Pakatan Harapan khususnya Parti Amanah dan DAP. Tindakan Najib dan Hadi dilihat sebagai satu pengesahan bahawa kedua-dua parti ini akan bergabung atau mempunyai kerjasama politik yang intim. Inilah juga tuduhan utama yang pernah dilemparkan oleh DAP terhadap Hadi dan juga punca keretakan besar dalam PAS sehinggalah lahirnya parti serpihan, AMANAH yang dipimpin oleh Mat Sabu.

Najib yang sudah kena hentam teruk dalam Skandal 1MDB, menghulurkan tangan persaudaraan kepada PAS semasa Persidangan Agung UMNO yang lepas. Najib secara terbuka menunjukkan kemesraanya kepada PAS dalam usaha yang kononnya untuk memperkukuhkan lagi kesatuan umat Islam dan Melayu. Ini disambut pula oleh kenyataan Setiausaha Agung PAS, Takiyuddin Hassan yang berkata bahawa PAS bersedia untuk memaafkan dan melupakan kesalahan UMNO. Namun ini dinafikan olehnya selepas itu.

Timbalan Presiden PAS, Tuan Ibrahim pula dengan cepatnya menafikan sebarang kerjasama. Beliau berkata bahawa PAS kekal dengan dasar Islam, yang bercanggah dengan dasar pragmatisme dan nasionalisme yang menjadi dasar perjuangan UMNO. Beliau turut dipetik berkata, "tidak mungkin PAS akan bekerjasama dengan UMNO yang sejak ditubuhkan sehingga kini masih menjalankan penindasan dan kezaliman terhadap ahli dan kepimpinan PAS". Kenyataan beliau yang paling tajam adalah, "PAS tidak akan jadi penyelamat kebobrokan dalam UMNO-Barisan Nasional (BN)."

Kenyataan oleh Naib Presiden PAS, Idris Ahmad, yang berbunyi, "jika ada individu yang hendak bergabung dan teringin bekerjasama dengan UMNO, maka individu itu sahaja yang pergi," seolah-olah menyindir Hadi Awang yang pergi berseorangan dan memberikan mesej bahawa tindakan kerjasama dengan UMNO tidak mendapat sokongan sebulat suara dalam partinya. Ada juga pandangan bahawa PAS yang sudah berpecah akan terus berpecah, jika ada kerjasama rasmi dengan UMNO. Ramai ahli menyertai PAS untuk melawan UMNO sebenarnya.



Semasa tulisan ini dibuat, Majlis Syura Ulama PAS sudah membuat ketetapan berhubung kerjasama dengan UMNO dan keputusannya dijangka diumumkan dalam masa terdekat. Majlis Syura Ulama dalam PAS memang mempunyai kuasa untuk memutuskan perkara besar yang membabitkan dasar PAS. Badan yang sama juga sebelum ini memutuskan untuk putus hubungan dengan DAP.

Apakah UMNO dan PAS buat di bawah selimut? Hubungan jenis apakah mereka lakukan dan sejauh manakah keintiman hubungan ini? Ini persoalan sukar dan saya tidak mahu berspekulasi, tetapi ingin menghuraikan bahawa kerjasama antara UMNO dan PAS bukanlah sesuatu yang baru. Saya ingin membawa dua pendekatan untuk menjawab soalan ini. Salah satu adalah faktor sejarah, manakala faktor kedua adalah politik perkauman.

PAS lahir dari UMNO

PAS sebenarnya lahir kerana usaha ulama-ulama dalam UMNO yang kecewa kerana tiada wadah Islam yang kukuh dalam UMNO pada zaman awal penubuhannya. Satu isu pada masa itu yang menimbulkan keretakan dalam UMNO adalah cadangan sistem loteri oleh Tunku Abdul Rahman yang dianggap oleh golongan ulama dalam UMNO sebagai haram kerana judi, tetapi ia dilaksanakan apabila dikatakan ia adalah untuk kebajikan.

Maka jika dikaji, pengasas PAS sebenarnya adalah Ketua Bahagian Agama UMNO, iaitu Ahmad Fuad Hasan yang telah menganjur satu muktamar ulama-ulama Islam pada 21-22 Februari 1950 di Muar, Johor. Seramai 46 wakil rasmi dan 300 pemerhati hadir dalam muktamar

tersebut. UMNO hanya menyumbang RM 500 untuk program ini, tetapi ia adalah suntikan pertama yang membawa perbalahan dalam UMNO. Persidangan kedua pada tahun 1951 telah mewujudkan Pertubuhan Ulama Se-Malaya. Bapa Perdana Menteri keempat Abdullah Ahmad Badawi menjadi salah seorang daripada 7 orang Majlis Kepimpinan Tertinggi dalam Pertubuhan ini. Persatuan Ulama Se-Malaya inilah yang kemudiannya menjadi PAS. Nama PAS dicadangkan oleh seorang bekas anggota Hizbul Muslimin, Uthman Hamzah yang mencadangkan nama dipinda kepada Persatuan Islam Se-Malaya (PAS), untuk membolehkan orang Islam selain daripada ulama dapat menyertainya.

Maka, tidaklah salah untuk berkata bahawa ibu PAS adalah UMNO. Dan hanyalah satu faktor memisahkan dua parti ini, UMNO mengambil wadah Melayu, manakala PAS mengambil wadah Islam. Tetapi, dalam Perlembagaan Malaysia, seorang Melayu itu mestilah seorang yang beragama Islam. Jadi, ini adalah faktor utama mengapa dua parti ini saling bersaing kerana mereka sebenarnya mencari ahli sasaran daripada kumpulan yang sama. Konsep yang sama juga boleh kita katakan bahawa MCA dan DAP juga sering bersaing kerana sasaran untuk penyokong mereka adalah sama.

PAS lahir dari UMNO, dan sekarang kembali kepada UMNO?

Kerjasama UMNO-PAS

Ekoran daripada peristiwa 13 Mei 1969 dan pelaksanaan Darurat, maka zaman selepas itu, memperlihatkan satu senario baru. Kerjasama antara UMNO-PAS berlaku pada tahun 1973 atas nama

Kerajaan Campuran di Kelantan dan kemudiannya PAS juga menyertai Barisan Nasional.

Kerjasama antara pemimpin UMNO Tun Abdul Razak dan Presiden PAS Mohd Asri juga berlaku dalam keadaan banyak ketidakpastian seperti pada masa ini juga. Dewan Ulama PAS mengadakan Muzakarah Khas dengan para ulama seluruh negara pada 4 Disember 1972, untuk membincangkan sama ada bekerjasama atau tidak. 9 ulama tidak setuju manakala 14 bersetuju. Ini diikuti pula dengan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan PAS ke-18 yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28 dan 29 Julai 1972. Mohd Asri pada masa itu berkempen untuk bekerjasama dengan UMNO. Maka terdapatnya usul bahawa PAS boleh kerjasama dengan UMNO dengan syarat ia tidak mengorbankan prinsip-prinsip perjuangan PAS. Akhirnya usul ini dilulus dengan 142 perwakilan menyokong, 50 membantah dan 16 lagi berkecuali.

Kerjasama ini tidak dapat bertahan lama apabila UMNO mencampurtangan dalam peristiwa pelantikan Menteri Besar baru Kelantan pada masa itu yang melibatkan Mohd Nasir, di mana UMNO menyokong Mohd Nasir kerana beliau senang dimanipulasi bagi memenuhi tujuan politik UMNO. Ini mengakibatkan pergolakan dalaman PAS dan berakhir dengan pengisytiharan darurat oleh Kerajaan Pusat. Mohd Nasir pula keluar dari PAS dan menubuhkan parti baru bernama BERJASA. Sebagai protes, PAS menarik diri daripada bekerjasama dengan UMNO. Maka tamatlah hubungan rasmi UMNO-PAS pada awal 1970-an.

(sambung di m/s 9)

(sambung dari m/s 8)

Kesan berikutan daripada itu, dalam pilihanraya DUN Kelantan pada tahun 1978, PAS mengalami kekalahan yang teruk dan UMNO mengambil alih pentadbiran Kelantan. Tok Guru Nik Aziz sepanjang hidupnya sentiasa mengingati peristiwa ini. Peristiwa ini sering didendangkan semula kepada ahli-ahli PAS sebagai pengajaran bahawa inilah bahaya dan pengkhianatan politik oleh UMNO jika PAS bekerjasama dengan UMNO.

Sejak itu, PAS sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada. Presiden PAS Fadzil Noor pula membawa wajah baru apabila beliau berani bekerjasama secara politik gabungan dengan parti-parti lain termasuk DAP. Seterusnya PAS semakin terbuka sehinggalah membuka parti ini kepada anggota bukan Islam melalui kelab-kelab penyokongnya. PAS juga kemudiannya tidak lagi menggunakan istilah Negara Islam yang menjadi kontroversi dulu dan bertukar kepada konsep Negara Kebajikan. Ini terus mengembangkan populariti PAS di negeri-negeri Pantai Barat dan juga di kalangan orang bukan Melayu.

Namun, isu Hudud yang dibawa ke Parlimen oleh Hadi Awang dan kemudiannya mendapat sokongan UMNO berjaya memasukkan balik PAS ke dalam kerangka konservatif Islam dan kembali memaparkan PAS sebagai parti untuk satu kaum dan satu agama sahaja.

Politik perkauman sempit

Jika diteliti, DAP cukup gembira untuk menyingkirkan PAS daripada Pakatan Rakyat (PR). Setiap kutukan DAP terhadap PAS secara terbuka, akan meningkatkan undi untuk DAP di kawasan yang DAP bertanding. Maka, mengutuk PAS adalah strategi yang bagus untuk kepentingan parti DAP.

Perkara yang sama dilakukan oleh PAS. Mengutuk DAP, adalah popular di kalangan pengundi Islam dan Melayu yang melihat DAP sebagai parti Cina yang chauvanis di kawasan kubu kuat PAS di luar bandar.

Oleh yang demikian, kedua-dua parti memainkan politik sempit untuk kepentingan masing-masing. Walaupun mereka bermusuhan

secara terbuka tetapi di pentadbiran kerajaan Selangor, kedua-dua parti ini tidak mahu mengundur diri, kerana berundur bererti hilangnya kerusi, kuasa dan kedudukan. Maka tidak ada apa yang berprinsip sangat apabila PAS dan DAP bertengkar. Ini hanyalah cerita lama dan taktik lama mereka masing-masing untuk mendapatkan sokongan di kawasan sasaran mereka.

Yang sedihnya adalah rakyat biasa menjadi mangsa, kerana mereka lebih jujur untuk mahukan pembangkang berkuasa. Dalam PRU yang lalu, pembangkang menang undi popular menewaskan BN. Malah, pembentukan Pakatan Rakyat (PR) pada tahun 2008 juga bukannya inisiatif parti-parti pembangkang tersebut yang langsung tidak menjangka apa keputusan pilihanraya pada masa itu. Ia adalah inisiatif rakyat yang mahukan mereka supaya tidak bertengkar lagi dan menubuhkan Kerajaan Negeri. Maka, barulah wujudnya Pakatan Rakyat.

Rakyat biasa tidak mahu melihat Pakatan berpecah kerana mereka tahu hanya pakatan pembangkang yang bersatu sahaja yang dapat menewaskan UMNO-BN. Namum, disiplin dan kewarasan pemikiran rakyat tidak dikongsi oleh kepimpinan PAS dan DAP yang terus memainkan isu-isu demi untuk mendapat sokongan kumpulan sasaran mereka.

Apabila bermain politik perkauman yang sempit, satu pihak yang akan menang adalah Barisan Nasional, kerana merekalah jaguh dalam bermain politik perkauman. Politik perkauman sering digunakan untuk terus memerintah. Akhbar-akhbar arus perdana kawalan UMNO-BN terus mengapi-apikan sentimen yang berkisar pada Hukum Hudud dan perbalahan PAS-DAP terus merebak sehingga akhirnya berjaya memusnahkan Pakatan Rakyat.

Siapa untung? PAS atau UMNO?

Kalau kita membaca Harakah, kita akan melihat akhbar lidah parti Islam itu terus mengutuk UMNO dan pada masa yang sama cuba menarik ahli UMNO menyertai PAS. Harakah langsung tidak menunjukkan parti ini bekerjasama dengan UMNO, maka inilah yang cuba ditunjukkan kepada umum dan mungkin ahli-ahli parti.

Namun, PAS tidak boleh mengambil posisi angkuh berdasarkan konsep



perpaduan Ummah. Bagi PAS, adalah perlu untuknya kerjasama dengan mana-mana pihak demi kepentingan Islam dan negara. Untuknya, kerjasama itu perlu untuk meningkatkan kekuatan Islam, memperkasakan syariat dan undang-undang Islam selain daripada berpeluang berdakwah. Namun strategi itu sudah pastinya akan menyebabkan PAS cuba mendampingi UMNO walaupun kosnya adalah kehilangan sokongan pengundi bukan Islam.

Bagi UMNO pula, UMNO semakin sedar bahawa mereka tidak boleh lagi mengharap MCA, GERAKAN dan MIC untuk membawa undi bukan Melayu. Dua PRU sebelum ini dengan jelas menunjukkan bahawa UMNO-BN semakin hilang kepercayaan kaum bukan Melayu. Pada masa yang sama, UMNO telah berjaya meningkatkan sokongan di kalangan pengundi Melayu dalam PRU-13 berbanding dengan PRU-12. Ini memberikan pandangan bahawa untuk terus kekal berkuasa, UMNO kena memastikan undi Melayu selamat dengan mereka. Selain itu, mereka juga cuba menarik PAS ke dalam sarang mereka kerana mungkin melalui kerjasama ini mereka boleh yakin sekurang-kurangnya negeri paling kaya di Malaysia, iaitu Selangor, dapat kembali ke dalam tangan UMNO-BN.

Isu Hudud sebenarnya wujud apabila PAS yang membawa usul, tetapi UMNO yang telah memberikan mereka lampu hijau. Ini telah mengakibatkan debat hangat dalam BN dan PR, tetapi akhirnya BN dengan liciknya memastikan rang undang-undang tersebut tidak dibentang di Parlimen, manakala PR terus terjerat dalam perangkap keretakan dan perpecahan.

UMNO mempunyai risiko untuk menyokong Hudud kerana saya pasti ini akan menyebabkan parti komponen BN di Sabah dan Sarawak tidak menyokong mereka. Tanpa sokongan Sabah dan Sarawak, BN akan kecundang. Maka, UMNO akan terus melengah-lengahkan masa dan tidak akan proaktif dalam membawa Hukum Hudud supaya didengar di Parlimen. Maka, dalam permainan ini, saya rasa pihak yang paling akan mendapat kesan buruk lagi parah adalah PAS.

Isu menangani banjir di Kelantan, ketiadaan Nik Aziz, akan menyebabkan Kelantan kembali

kepada UMNO. Sekiranya rakyat melihat PAS dan UMNO sudah semakin rapat, mereka berkemungkinan besar akan mengundi UMNO bukan PAS.

Namun dalam politik dan perebutan kuasa, kawan boleh menjadi musuh dan musuh boleh menjadi kawan. Oleh itu, janganlah hairan semasa PRU akan datang nanti, PAS, DAP, PKR dan AMANAH akan buat kerjasama sulit. Ini semua adalah kemungkinannya. Yang sedihnya adalah perlawanan politik hari ini lebih menjurus kepada perkauman dan kuasa; dan bukannya berdasarkan persoalan satu prinsip. Isu-isu rakyat seperti inflasi, gaji dan beban hidup tidak menjadi agenda utama debat antara parti-parti politik utama.

PAS dan UMNO mungkin bersama-sama di bawah selimut tetapi mempunyai mimpi berbeza. Dari segi ideologi ekonomi, mereka tidak banyak berbeza. Kedua-duannya menerima sistem kapitalis namun dalam persoalan lain, mereka mempunyai perhitungan masing-masing. Kedua-dua parti, UMNO dan PAS, mungkin boleh selamat andaikata mereka menukar pemimpin mereka masing-masing, kerana dalam dua parti ini, isu yang menjadi duri dalam daging adalah populariti pemimpin dan kontroversi mengelilinginya. Buat masa ini, mereka saling memerlukan satu sama lain dan persepakatan mereka hanyalah berdasarkan mereka ini satu kaum dan agama. Berapa lamakah mereka boleh bersama?

Najib memegang ahlinya dengan kuasa wang manakala Hadi memegang ahlinya dengan kuasa ilmu agamanya. Adakah ini umpama air dan minyak yang tidak boleh bersatu? Pengalaman menunjukkan bahawa, demi kuasa, dua parti ini boleh bersama dan boleh juga berpecah. Politik Malaysia wajib kembali kepada zaman sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB), di mana pada zaman itu, perlawanan utama antara parti adalah perlawanan kelas. Pada zaman ini, hanya satu perkara yang membawa UMNO dan PAS bersama, iaitu mereka satu kaum dan satu agama. Jika tidak ada sentimen perkauman di Malaysia, maka barulah isu-isu utama rakyat seperti kemiskinan, pengagihan kekayaan dan taraf hidup rakyat akan menjadi agenda utama politik negara kita. ##



Akta Hasutan mengganas lagi Khairul Nizam ditahan 2 kali

Khairul Nizam Abd Ghani, AJK Pusat PSM, telah ditahan di Ibupejabat Polis Daerah Dang Wangi pada 28 Disember yang lalu untuk siasatan di bawah Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia. Khairul Nizam ditahan semasa menghadiri diri untuk siasatan. Khairul Nizam dibebaskan pada hari keesokannya setelah Majistret menolak permohonan pihak polis untuk meremannya.

Khairul Nizam disiasat kerana kenyataannya yang dikeluarkan dalam laman media sosial facebook semasa menyuarakan sokongan solidariti kepada Khalid Ismath, aktivis anak muda yang ditahan selama 22 hari hanya kerana bersuara dalam media sosial.

Selepas kurang daripada 2 minggu,

Khairul Nizam ditahan di bawah Akta hasutan untuk kali kedua. Pada 8 Januari yang lalu, Khairul Nizam ditahan polis di rumah kediamannya di Pengkalan Chepa, Kelantan. Telefon bimbitnya turut dirampas. Tangkapan tersebut juga dibuat atas tuduhan yang berkaitan dengan tulisannya dalam facebook.

Khairul Nizam kemudiannya telah dibawa oleh polis ke Johor Bahru. Walaupun Khairul Nizam telah memberikan kerjasama penuh dalam membantu siasatan sebelum ini, tetapi pihak polis bertindak untuk menahannya sekali lagi. Dalam tangkapan kedua, Khairul Nizam telah direman 3 hari, dan dibebaskan selepas Majistret menolak permohonan sambung reman daripada polis pada 11 Januari.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh A. Sivarajan, Setiausaha Agung PSM, PSM mengecam tindakan penahanan yang berulang ke atas Khairul Nizam. PSM mendesak pihak PDRM membebaskan Khairul Nizam dengan segera. Pihak polis patut bertindak secara profesional dan mendakwanya di mahkamah jika beliau benar-benar menyalahi undang-undang. Tindakan mengintimidasi ini mesti dihentikan dengan segera.

Khairul Nizam, atau lebih dikenali dengan nama penanya Aduka Taruna, juga merupakan aktivis



daripada pertubuhan ROYALTI, sebuah badan bukan kerajaan yang menuntut royalti minyak untuk Kelantan. Beliau amat aktif dalam melakukan kerja-kerja kebajikan untuk masyarakat akar umbi.

Catatan Khairul Nizam

Berikut adalah catatan oleh Khairul Nizam berkenaan dengan penahanannya yang pertama pada 28 Disember yang lalu:

Gua 'tak lari'. Cuma polis datang rumah (di Seremban) ketika gua tiada. Polis datang beberapa kali lagi di rumah (di Kelantan) pun, ketika gua tiada. Lagi pun polis tak bagi apa-apa surat meminta hadir ke mana-mana balai untuk siasatan. Mungkin polis bagi masa sebab tahu bini gua bersalin bila-bila masa.

Setelah beberapa lama, satu program PSM gua set-up dengan bantuan Amanah Terengganu. Sehari sebelum program, Amanah Terengganu panggil meminta maaf terpaksa tarik diri atas arahan Amanah Pusat, kerana tekanan daripada PAS. Amanah takut pengaruh PSM bentang ideologi. Bagaimana pun, sebagai menunai janji, dan tanda solidariti, Amanah Terengganu menyediakan tempat dan tetap hadir. Cuma logo dan panel ditarik.

Malam itu, dikepung di bangunan program oleh polis Terengganu. SUA PSM, Sivarajan bercakap dengan Bukit Aman, bahawa PSM ada rekod menunaikan janji. Dia jamin saya akan serah diri di Bukit Aman. Bukit Aman (ASP Muniandy) meminta IPK Terengganu berundur. Amanah Terengganu bimbang arahan bertukar dan membantu menyeludup gua keluar dari Kuala Terengganu. Beg gua tertinggal di tempat program, dan dipikap oleh Zamzahidi. Akan dibawa ke KL oleh Mazuan.

Gua sampai di KL pada Ahad sebelah malam. Untuk sedikit mesyuarat. Setelah mengharungi

12 jam perjalanan dengan bas, akibat jalan sesak kerana penutupan cuti Krismas. Minta maaf pada rakan-rakan yang tak putus call dan mesej memberi semangat. Gua tak mampu jawab semuanya.

Pagi Isnin, arahan bertukar. Dari Bukit Aman ke Dang Wangi. Secara rasminya gua ditahan pada jam 11.30 pagi. Selepas mengambil cap jari 10 jari, rampasan telefon bimbit, gua dibawa ke tingkat 9. Di antara proses pegawai ke pegawai, gua sentiasa ambil peluang untuk tidur di atas mana-mana kerusi, untuk rehat secukupnya, bagi menghadapi keadaan mendatang, termasuk manusia-manusia dalam lokap.

Rata-rata polis menunjukkan rasa tidak senang apabila mengetahui terpaksa menguruskan kes mengarut seperti ini. Gua kemudian dibawa ke bahagian pengurusan lokap oleh seorang pegawai dari Batu 8, Labu, Negeri Sembilan. Untuk memasuki kawasan itu, memerlukan satu mesin akses, tetapi sudah rosak. Perlu panggil guna loceng.

"Mesin canggih pun ghusak ko?"
Gua kata pada pegawai itu.

"Cubo punat oghang ghumah kito. Hari-hari kito token, kito gentel. Jem jugak, bai. Kah kah kah." Dia balas sambil gelak. Gua pun sengeh.

Gua mendapat layanan yang baik dari polis. Mungkin kerana status fail gua adalah Bukit Aman. Kebanyakan merengus dan geleng kepala bila tahu kes gua. Remeh-temeh dan menyusahkan mereka. 2 polis berasal Kelantan datang berbual tanya khabar bila tahu gua 'ke dalam'. Kemudian, tukar baju lokap, dan masuk lokap jam 1.30 pm.

Dalam satu kandang, ada 2 sel besar. 1 sel tandas rosak. Lipas banyak. Dalam kandang itu, kira-kira 50 orang yang boleh akses antara kedua-dua sel.

Malam itu, polis mengeluarkan tahanan bukan warganegara dalam kandang gua. Memasukkan warganegara sahaja. Pelbagai kes. Urine, mesin judi, gangster.

Gua lihat, di dalam lokap, aktiviti menjual rokok, tembakau, dadah, top up berlaku secara terbuka. Sesiapa yang berduit, akan mendapat pengaruh. Kerana mampu payung tembakau, rokok atau dadah. Penghuni lokap pula 99% adalah perokok.

Ramainya warganegara, menyebabkan peluang gua buat kelas ideologi. Untuk menarik perhatian penghuni, gua memerlukan suara yang sedikit kuat. Suasana ini (ceramah kecil) tidak disenangi oleh 'team tembakau / urine' kerana mengganggu "suasana tidak menarik perhatian polis" mereka. Aktiviti mereka boleh terjejas.

Maka seorang lelaki Melayu berjumpa gua, memberitahu lelaki India dalam team mereka kes pistol. Sedang pening kepala. So, jangan "buat hal". Gua bagitau secara baik, "pistol atau team geng hanya efektif di luar. Di dalam ni, masing-masing buat aktiviti masing-masing lah. Marilah join dengar. Sambil balut pun takpa." Lelaki itu blah dan tiada apa-apa berlaku.

Untuk menghadapi hari esok, gua memilih mandi ketika kebanyakan tidur. Jam gua tahu melalui OKT yang menjadi pembantu polis. Golongan ini mendapat akses ke semua kandang. Bertugas membantu kerja kebersihan, agihan makanan, panggilan nama, termasuk

jual beli pelbagai barangan. Pagi esoknya semua OKT diminta turun ke bawah.

Akhirnya ASP Muniandy datang. 4 peguam hak asasi turut hadir. Penghujahan berlaku hangat. Akhirnya permohonan polis untuk reman 4 hari terhadap gua ditolak. Baju lokap ditukar semula. Ucapkan terima kasih kepada polis-polis lokap. Apabila selesai, gua dibebaskan dalam keadaan perlu hadir bila-bila polis mahukan, untuk lengkapkan siasatan.

Gua dahulu tanpa mana-mana organisasi dan parti. Kemudian dalam dunia kebajikan dan aktivisme. Bergelumang dengan orang yang memerlukan bantuan (tak semestinya orang miskin adalah orang yang memerlukan bantuan). Rasa lega, rasa seronok bila kesusahan itu diselesaikan ramai-ramai. Di sinilah networking itu terbentuk. Networking berasaskan masyarakat! Berasaskan sosial!

Hari ini, giliran gua pula dalam kesusahan. Allah pinjamkan gua parti yang bagus, yang aktif dalam sosial (setakat ini), pinjamkan barisan peguam yang bagus, yang aktif dalam sosial. Pinjamkan teman-teman yang bagus, yang aktif dalam sosial.

Apakah pengajaran yang perlu gua ambil? Bagaimana mahu membalas jasa mereka? Maka, dengan ini, gua melutut kepada sosial (masyarakat), akan lebih bersungguh-sungguh dalam hal-hal kebajikan sosial. Semoga dengan itu, Allah tetap pinjamkan gua networking sosial ketika hari gua susah. Terika kasih semua. Gua sayangkan sosial kita. Ibadah kita bukan menuju pentingkan diri untuk berhubungan dengan Tuhan dengan kita sahaja. Wallahualam.##

TUNTUT GAJI MINIMUM RM1500

Pada 6 Januari yang lalu, Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan piket di hadapan Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya, dengan tuntutan mendesak kerajaan mengkaji semula paras gaji minimum pada takat ini dan menaikkan gaji minimum kepada RM 1500. Satu memorandum telah diserahkan kepada pihak Kementerian.

Menurut Suresh Kumar, AJK Pusat PSM merangkap Ketua Biro Pekerja dan Peneroka PSM, "penyelarasan gaji minimum yang dibuat oleh kerajaan pada masa ini adalah amat tidak mencukupi untuk para pekerja yang perlu menghadapi peningkatan kos hidup dan beban perbelanjaan harian."

Mengapa gaji minimum harus RM 1500 dan bukan RM 1000?

Kenyataan Perdana Menteri Najib Razak pada 23 Oktober 2015, semasa pembentangan Bajet 2016, yang mengatakan bahawa gaji minimum akan ditingkatkan kepada RM 1000 bagi pekerja di Semenanjung Malaysia dan RM 920 di Sabah dan Sarawak, adalah satu langkah ke belakang untuk kaum pekerja Malaysia.

PSM telah mengemukakan 10 hujah mengapa gaji minimum yang dicadangkan oleh kerajaan adalah langkah ke belakang:

1. Penyelarasan Gaji Minimum yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2015 hanya akan dilaksanakan pada Julai 2016, iaitu 18 bulan lebih lambat. Ini bererti setiap pekerja telah hilang sekurang-kurangnya RM 1800 setiap seorang.
2. Kerajaan telah menetapkan gaji minimum untuk pekerja kerajaan pada paras RM 1200. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sendiri mengakui bahawa gaji minimum yang sepatut diberikan adalah sekurang-kurangnya RM 1200. Tetapi mengapa pekerja swasta diberikan gaji minimum hanya RM 1000? Bukankah ini satu diskriminasi untuk pekerja swasta?
3. Apakah makna sebenarnya untuk peningkatan gaji minimum RM 100? Penyelarasan Gaji Minimum yang sebelum ini adalah pada tahun 2013. Penyelarasan gaji minimum kepada RM1000 yang akan diimplementasi pada pertengahan tahun 2016 menunjukkan ini adalah peningkatan pertama gaji minimum (dengan penambahan RM 100) dalam masa 3 ½ tahun. Ini bermaksud peningkatan setahun adalah kurang daripada RM 30. Peningkatan gaji tahunan ini adalah hanya sekitar 3%, manakala GST telah diperkenalkan pada tahun 2015 dengan kadar 6%. FOMCA dalam kajiannya telah mendapati bahawa GST telah menyebabkan harga barangan meningkat antara 10% dan 30%. Jika gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500, peningkatan gaji adalah sekitar 22%, yang mana ini merupakan angka yang lebih signifikan.
4. Melalui Bajet 2016, penarikan balik subsidi minyak, tol dan barangan asas menyebabkan harga barangan asas seperti minyak

masak, kos pengangkutan dan elektrik telah meningkat. Tahun 2016 juga menyaksikan peningkatan dalam kos pengangkutan awam seperti Komuter KTM, ERL dan juga LRT! Pemotongan subsidi juga dapat diperhatikan dalam peruntukan pendidikan dan lain-lain. Penarikan balik subsidi dikatakan dalam lingkungan 45%. Ini dengan jelas menjadikan peningkatan gaji RM 100 dan RM 120 satu perkara yang langsung tidak signifikan.

5. Perbezaan gaji minimum antara pekerja di Semenanjung Malaysia dengan pekerja di Sabah dan Sarawak adalah tidak munasabah. Kos hidup di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi (antara 15-25%) berbanding Semenanjung Malaysia. Jadi, mengapa kadar gaji minimum di sana lebih rendah? Alasan bahawa majikan di Semenanjung mempunyai keupayaan yang lebih tinggi adalah tidak masuk akal. Sebelum ini PSM ada menyarankan bahawa Kerajaan harus menghapuskan / meliberalisasikan sistem kaboat (cabotage system) yang "memaksa" kontena import barangan dibawa ke Pelabuhan Klang sebelum dibawa ke Pelabuhan Kota Kinabalu dan Pelabuhan Kuching. Ini adalah sebab utama kos barangan keperluan di Sabah dan Sarawak yang sekarang ini jauh lebih tinggi daripada Semenanjung.

6. GST telah membawa pulangan sebanyak RM 37 bilion, iaitu lebih tinggi daripada anggaran awalnya. Justeru, kerajaan sepatutnya mempunyai lebih wang untuk membiayai projek pendidikan dan hospital percuma, tetapi ini semua tidak dilaksanakan. Kerajaan sebaliknya mengurangkan subsidi tol, minyak dan lain-lain. Maka kaum pekerja di Malaysia seharusnya mendapat gaji minimum RM 1500 seperti yang disarankan oleh PSM.

7. Menurut statistik Bank Dunia, produktiviti pekerja Malaysia meningkat dalam lingkungan 7% berbanding dengan peningkatan gaji sekitar 2%. Maka alasan Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan juga Kerajaan seolah-olah produktiviti pekerja Malaysia adalah rendah tidak boleh diterima. Menurut kajian Bank Dunia, faktor utama untuk pelabur melabur di sesebuah negara adalah

infrastruktur dan kawalselia persekitaran yang disediakan. Faktor lain seperti kestabilan politik juga amat penting. Dengan jelas, pelabur hari ini lari dari Malaysia bukan kerana gaji pekerja tetapi kerana keadaan politik negara dan polisi-polisi, maka kaum pekerja tidak boleh disalahkan.

8. Pendapatan per kapita Malaysia (jumlah pendapatan negara dibahagi dengan jumlah penduduk) pada tahun 2014 ialah sekitar RM 4,000 sebulan (RM 49,000 setahun). Tetapi gaji minimum di Malaysia ialah RM 900 sebulan dan Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI) pula hanyalah RM 760 sebulan. Ini menunjukkan kekayaan negara tidak dibahagi samarata sesama rakyat Malaysia berikutan wujudnya polisi-polisi yang cenderung kepada golongan kaya 1%. Peningkatan gaji minimum RM 1500 membolehkan kekayaan negara dikongsi secara bersama oleh rakyat Malaysia.

9. Gaji minimum RM 1500 diperlukan kerana kerajaan BN gagal mewujudkan "jaring perlindungan" (safety net) untuk pekerja di Malaysia. Negara kita tidak mempunyai Pencen Hari Tua untuk pekerja swasta, Tabung Pemberhentian Pekerja, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Pekerja Menganggur dan banyak lagi. Di samping itu, pekerja-pekerja Malaysia juga kini terseksa dengan kos-kos yang tinggi



wujud dari segi harga rumah, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pinjaman-pinjaman bank yang tidak dikawalselia oleh kerajaan BN.

10. Beberapa kumpulan elit di Malaysia yang menerima gaji yang tinggi atau kenaikan gaji yang lumayan, membuktikan bahawa pihak swasta dan kerajaan mampu memberikan gaji minimum RM1,500. Berikut ialah senarai gaji golongan elit yang tinggi di Malaysia:

- a. CEO Syabas – sekitar RM425,000 sebulan
- b. CEO Bank CIMB – sekitar RM780,000 sebulan
- c. CEO Sime Darby – sekitar RM180,000 sebulan
- d. CEO Bursa Malaysia – sekitar RM164,000 sebulan
- e. CEO Maybank – sekitar RM148,000 sebulan
- f. CEO TNB – sekitar RM92,000 sebulan
- g. Perdana Menteri - sekitar RM23,000 sebulan

Tuntutan PSM kepada Kementerian Sumber Manusia

1. Laksanakan segera penyelarasan gaji minimum, bermula dengan gaji bulan Januari 2016, bukannya Julai 2016 .
2. Penyelarasan gaji minimum ke paras RM 1500 untuk semua pekerja di Semenanjung dan Sabah / Sarawak, bukannya RM 1000.
3. Pemantauan dan penguatkuasaan yang efektif untuk memastikan majikan membayar gaji minimum.

Kes Indira Salah agama atau salah manusia?

“Hai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” - Surah Al Maidah (8)

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.” - Surah Al-Mumtahanah (8)

Malangnya, ajaran-ajaran murni dalam al-Quran tidak kelihatan dalam cara kes konflik peribadi antara M Indira Gandhi dan suaminya K Pathmanathan yang dikendalikan oleh institusi-Institusi agama Islam di negeri Perak.

Suami Indira telah menukar agamanya ke Islam dan telah memohon kepada Jabatan Agama Islam Perak untuk mendaftarkan ketiga-tiga anaknya (yang masing-masing berumur 12, 11 dan 1 tahun pada takat itu) sebagai Muslim pada 2 April 2009. Jabatan Agama Islam Perak tidak memanggil ibu kepada anak-anak (iaitu Indira) untuk memberi keterangan tetapi akur kepada permohonan Muhammad Riduan Abdullah (nama Pathmanathan selepas bertukar agama ke Islam). Mustahil Jabatan Agama tidak sedar anak-anak ini adalah hasil perkahwinan antara dua orang bukan Islam (kerana Jabatan Agama Perak yang baru mendaftarkan penukaran agama Muhammad Riduan). Bukan sukar bagi Jabatan Agama Perak untuk merumuskan daripada umur kanak-kanak bahawa mereka telah dilahirkan semasa bapa dan ibu mereka adalah penganut agama lain daripada Islam.

Setelah itu, pada 8 April 2009, apabila Muhammad Riduan memohon kepada Mahkamah Syariah Ipoh untuk mendapatkan hak jagaan ketiga-tiga anak ini, Mahkamah Syariah telah meluluskan permohonannya. Ini amat mengecewakan. Memang, Enakmen Syariah Perak tidak menghalang seorang Hakim mendengar kes seperti yang dibawa oleh Muhammad Riduan dan menentukan pihak mana yang harus dilantik sebagai penjaga anak. Tetapi kuasa ini harus digunapakai untuk mencapai satu penyelesaian yang adil untuk semua pihak yang terlibat. Memang dalam banyak situasi perceraian, pasangan suami dan isteri marah sesama sendiri dan bertengkar berhabis-habisan. Adalah tanggungjawab Hakim Mahkamah Syariah untuk memastikan institusi Syariah tidak diperalatkan oleh sesiapa daripada pasangan yang bertengkar supaya dapat “skor” dan menang dalam

pertengkar ini.

Dalam situasi seperti ini, Mahkamah mempunyai beberapa pilihan. Pertama, Mahkamah boleh menagguhkan keputusan permohonan hak jagaan. Kedua, Mahkamah boleh meminta Jabatan Kebajikan untuk menyiasat situasi sebenarnya supaya Hakim tahu segala fakta sebelum membuat keputusan. Ketiga, Mahkamah boleh menjemput ibu kanak-kanak untuk datang dan memberi pandangan dan menyatakan keinginannya. Tetapi Mahkamah Syariah Ipoh tidak melakukan kesemua ini dan terus mengizinkan permohonan Muhammad Riduan.

Apabila Indira mendapatkan Perintah Mahkamah Sivil (Mandamus) yang mengarahkan Ketua Polis Negara mencari anak bongsunya yang telah dibawa oleh bekas suaminya dan mengembalikannya kepada Indira, Peguam Negara telah mendapatkan “penggantungan” di Mahkamah Rayuan. Mengapa pada takat ini, Pentadbiran Agama Islam Perak tidak menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk meneliti kes ini supaya mencari penyelesaian yang selaras dengan ajaran al-Quran berkaitan keadilan? Sejarah ilmu perundangan Islam adalah lengkap dengan peristiwa-peristiwa di mana pemikiran rasional digunapakai untuk mencari penyelesaian dalam situasi-situasi yang baru. Proses ini yang berdasarkan pada prinsip-prinsip Islam dinamakan “Ijtihad”. Malangnya pendekatan Ijtihad susah dicari dalam pengendalian kes Indira.

Mengapakah ini berlaku? Adakah masalah berpunca daripada ketidakcekapan pegawai-pegawai institusi Syariah? Atau pun adakah pegawai-pegawai Syariah disekat oleh suasana politik yang diwujudkan daripada persaingan antara PAS dan UMNO untuk menonjolkan diri mereka sebagai jaguh dalam mempertahankan Islam di Malaysia? Apakah pendirian AMANAH pula? Dalam suasana politik toksik ini, keputusan yang berpihak pada seorang bukan Islam, walaupun patut dan adil, mungkin dikecam sebagai perkhianatan kepada agama dan bangsa!

Tetapi, bukan sahaja Indira dan anak-anaknya yang telah menjadi mangsa dalam peristiwa ini, agama Islam sendiri juga telah menjadi salah satu daripada mangsa, kerana gambaran negatif terhadap Islam telah diwujudkan dalam pemikiran orang ramai di Malaysia.

Kes Indira: Penderaan terkini

Pada tahun 2013, M Indira Gandhi telah memohon kepada Mahkamah Tinggi Ipoh untuk membatalkan pendaftaran agama ketiga-tiga anaknya sebagai Islam. Pendaftaran sebegini telah dilaksanakan oleh bekas suaminya Pathmanathan (Mohamad Riduan) di Pejabat Pendaftaran Muallaf Ipoh. Mahkamah



Tinggi Ipoh telah memberi perintah yang dimohon oleh Indira.

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah merayu kepada Mahkamah Rayuan di

Putrajaya untuk membatalkan Perintah Mahkamah Tinggi Ipoh. Alasan yang digunakan oleh pihak JAIPk adalah bahawa Mahkamah Tinggi Ipoh telah melanggar Fasal 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Fasal 121(1A) – Pindaan Perlembagaan yang dibawa oleh Dr Mahathir pada tahun 1988 - menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dua orang Hakim dalam Panel Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Balia Yusuf Wahid dan Hakim Arif Badariah Sahamid telah memutuskan bahawa hujah JAIPk harus diterima, dan mereka membatalkan Perintah Mahkamah Tinggi Ipoh.

Tetapi Hakim ketiga dalam Panel Hakim, Hakim Hamid Sultan Abu Bakar tidak bersetuju. Beliau berpendapat bahawa Mahkamah Sivil boleh membuat keputusan terhadap tindakan Pejabat Muallaf kerana Pejabat itu terletak di bawah Kerajaan Negeri dan bukan di bawah

Mahkamah Syariah. Beliau meneruskan dalam laporan kehakiman beliau bahawa hak ibu yang bukan Islam harus dihormati dan Muhammad Riduan patut didakwa kerana memperalatkan Institusi Islam untuk melanjutkan pertengkarannya dengan bekas isterinya.

Tetapi oleh kerana 2 daripada 3 Hakim telah menerima hujah JAIPk, Indira Gandhi telah kalah dan anak-anak beliau masih didaftar sebagai Muslim.

Mungkin bukan niat JAIPk untuk meneruskan penyeksan terhadap Indira Gandhi. Mungkin hasrat JAIPk adalah untuk mempertahankan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang dicabar oleh Mahkamah Sivil. Tetapi mengapa JAIPk tidak bertindak terlebih awal untuk memastikan Indira dapat layanan yang adil daripada institusi-institusi Islam Negeri Perak? Cabaran daripada Mahkamah Sivil timbul kerana Institusi Islam Negeri Perak tidak dapat menegur dan mengimbangkan kelemahan dalam sistem pentadbiran dirinya. Ini yang memaksa Indira dan pihak-pihak yang sedang cuba membantunya menghadap Mahkamah Sivil untuk mendapatkan keadilan.

Pendirian PSM

1. Perkahwinan adalah sebuah kontrak antara dua individu yang bersetuju hidup sebagai suami-isteri. Di Malaysia, kontrak perkahwinan boleh diwujudkan dalam dua kerangka – kerangka sivil untuk bukan Islam dan kerangka syariah untuk orang beragama Islam.
2. Perceraian harus dilakukan dalam kerangka di mana perkahwinan itu diwujudkan. Untuk pasangan Islam, perceraian dan segala isu yang berkaitan termasuk jagaan anak harus diputuskan dalam Mahkamah Syariah. Dan untuk pasangan bukan Islam, perceraian dan isu-isu berkaitan harus diuruskan di mahkamah sivil.
3. Seksyen 3(3) dalam Akta Perkahwinan dan Perceraian 1976 harus diubahsuai untuk membolehkan seorang yang baru memeluk agama Islam seperti Muhammad Riduan mendaftarkan mahkamah sivil untuk menceraikan isterinya yang dikahwini dalam

kerangka sivil. Pada takat ini Seksyen 3(3) menyatakan bahawa seorang Muslim tidak boleh membawa kes perceraian ke Mahkamah Sivil.

4. Ruang yang wujud sekarang dalam enakmen-enakmen Syariah di peringkat negeri yang membolehkan seseorang seperti Muhammad Riduan membawa kes perceraian isteri yang bukan Islam ke Mahkamah Syariah harus disekat.

Perubahan-perubahan yang kecil ini, yang merupakan “fine-tuning” sahaja, boleh dibentang di Parlimen dengan segera. Tetapi pihak BN tidak begitu berminat. Adakah BN takut isu ini akan diguna oleh PAS untuk menyerang UMNO sebagai pihak yang tidak “mempertahankan” Islam? Atau pun adakah kewujudan konflik seperti dalam kes Indira sesuatu yang diingini oleh BN untuk memajukan strategi politiknya yang bersifat pecah dan perintah ke atas masyarakat majmuk kita? ##

(sambung dari m/s 4)

AS pernah menuntut Australia untuk mengetatkan lagi undang-undang hakciptanya sebelum AS menerima pakai Perjanjian Perdagangan Bebas AS-Australia (US-Australia Free Trade Agreement). Justeru, pada ketika Menteri di Malaysia begitu berkejar-kejaran untuk menandatangani TPPA, tidakkah mereka sedar bahawa akhirnya AS yang akan menentukan segalanya? Apa gunanya kita berkejar untuk tarikh akhir bulan Februari 2016 apabila wujud kemungkinan pemerintahan baru AS

akan membuka semula perjanjian ini?

AS juga akan bertindak sebagai guru besar sekolah dengan rotan yang akan mendisiplinkan negara-negara TPPA yang lain agar semua mengikut rentak mereka melalui proses pensijilan ini. Malang sungguh Perdana Menteri Najib Razak telah bersedia untuk berdiri dalam barisan murid-murid untuk menghadap guru besar AS yang akan memberikan markah dalam kad laporan pelajar! UMNO-BN sudah menjajakan kedaulatan dan maruah negara. Tolak TPPA! ##

Pilihanraya Sepanyol

Kuasa Kiri kuburkan “sistem dua parti”

Pilihanraya umum negara Sepanyol yang berlangsung pada 20 Disember yang lalu telah menyaksikan kekalahan teruk untuk dua parti politik tradisional di negara tersebut. Parti berhaluan kiri yang membantah dasar “penjimatan” telah memecahkan monopoli parti tradisional dan menamatkan “sistem dua parti” yang wujud sejak 1970-an selepas jatuhnya kediktatoran Franco.

Sebanyak 350 kerusi Dewan Rakyat Sepanyol telah dipertandingkan. Parti Rakyat yang berhaluan kanan di bawah pimpinan Perdana Menteri Mariano Rajoy, hanya memperoleh undian sebanyak 28.72%, dengan penurunan 16.32 titik peratusan. Parti Rakyat hanya berjaya memenangi sebanyak 123 kerusi dalam Parlimen, berkurang sebanyak 64 kerusi berbanding pilihanraya umum pada tahun 2011. Walaupun Parti Rakyat mendapat kerusi terbanyak dalam Parlimen, namun jumlahnya masih jauh kurang daripada 176 kerusi yang diperlukan untuk membentuk kerajaan secara sendiri. Satu keadaan parlimen tergantung telah diwujudkan selepas pilihanraya.

Kerajaan Parti Rakyat yang berkuasa selepas menang pilihanraya pada tahun 2011, telah giat melaksanakan dasar penjimatan untuk menyelamatkan ekonomi kapitalis, dengan cara mengurangkan perbelanjaan kebajikan masyarakat demi menyelamatkan keuntungan kapitalis kewangan. Parti Rakyat pimpinan Rajoy juga terjerumus dalam skandal korupsi. Kesemua ini membawa kepada keputusan pilihanraya kali ini yang menyaksikan penurunan sokongan yang mendadak untuk Parti Rakyat.

Dengan pengurangan kerusi yang hebat, walaupun Parti Rakyat masih merupakan parti terbesar dalam Parlimen, tetapi amat sukar untuk membentuk kerajaan. Sekiranya Parti Rakyat mendapat sokongan daripada satu lagi parti berhaluan kanan untuk memerintah, tetapi jumlah kerusi kedua-duanya masih kurang daripada separuh. Parti Rakyat semestinya tidak mungkin akan melepasi pengundian kepercayaan dalam Parlimen. Kehancuran sistem dua parti dan keadaan politik berparlimen yang tergantung, adalah manifestasi ketidakpuashatian rakyat terhadap dasar penjimatan yang menyusahkan rakyat.

Podemos mencipta sejarah

Parti berhaluan kiri yang menentang dasar penjimatan, Podemos, telah mencipta sejarah dengan pencapaian yang menakjubkan dalam pilihanraya kali ini. Podemos yang dipimpin oleh Pablo Iglesias telah meraih sebanyak 5,189,463 undi, bersamaan dengan 20.66% jumlah undian. Sebanyak 69 kerusi

dimenangi Podemos, menjadikannya parti yang ketiga besar dalam Parlimen. Perbezaan undi antara Podemos dengan parti yang kedua banyak kerusi hanya sebanyak 1.35 titik peratusan.

Sejurus selepas mengetahui keputusan yang menyaksikan pencapaian Podemos yang memberangsangkan, Iglesias berkata, “hari ini adalah hari yang bersejarah untuk Sepanyol. Kami amat gembira kerana sistem dua parti di Sepanyol sudah terkubur. Negara kita sedang menuju ke era politik yang baru. Perjuangan kami dalam mempertahankan keadilan sosial dan menentang korupsi, adalah haluan politik parti kami dalam parlimen. Sepanyol akan menjadi berlainan selepas ini! Agenda kami adalah melakukan perubahan secara perlembagaan.”

Parti yang mendapat kedua banyak kerusi, adalah Parti Sosialis (PSOE) yang dipimpin oleh Pedro Sánchez. PSOE merupakan salah satu daripada dua parti tradisional selain Parti Rakyat yang memerintah Sepanyol untuk beberapa penggal sejak tahun 1970-an. PSOE hanya mendapat undian sebanyak 22.01% dan memenangi hanya 90 kerusi, kurang 20 kerusi berbanding pilihanraya yang lepas. Walaupun PSOE masih lagi parti kedua besar dalam parlimen, namun undi sebanyak 5.53 juta yang diperolehnya adalah amat jauh berkurangan berbanding dengan 11.29 juta undi yang diperolehnya semasa pilihanraya pada tahun 2008.

PSOE telah mula melaksanakan dasar penjimatan semasa ia memerintah. Tindakan kerajaan PSOE yang mengurangkan perbelanjaan sosial untuk menyelamatkan keuntungan elit kapitalis telah mengundang kemarahan rakyat Sepanyol sehingga tercetuskan gerakan anti-penjimatan yang hebat pada bulan Mei 2011. Gerakan yang digelar sebagai “Indignados” (bermaksud “orang yang marah”) ini telah merebak dengan hebatnya sehingga PSOE dihukum oleh pengundi semasa pilihanraya pada tahun 2011. Parti Rakyat menang dalam pilihanraya 2011 bukan kerana dasarnya yang pro-rakyat tetapi adalah hasil daripada PSOE yang dihukum oleh pengundi yang



menolak dasar penjimatan. Selepas Parti Rakyat memerintah, ia meneruskan dasar penjimatan, sehingga rakyat Sepanyol semakin hilang kepercayaan pada “sistem dua parti”.

Politik baru

Podemos merupakan parti berhaluan kiri yang berkembang daripada gerakan Indignados. Program politik Podemos yang menukar kemarahan kepada pembaharuan politik, membawa harapan baru kepada rakyat Sepanyol yang kecewa pada sistem dua parti.

Podemos hanya ditubuhkan pada tahun 2014 untuk menghadapi pilihanraya Parlimen Eropah pada masa itu. Pemimpinnya Pablo Iglesias pernah menjadi pensyarah dalam jurusan sains politik di Universiti Complutense Madrid. Iglesias pernah menyertai angkatan pemuda komunis UJCE. Beliau merupakan salah seorang anggota Pusat Asas Pengajian Politik dan Sosial (Fundación Centro de Estudios Políticos y Sociales), sebuah institusi yang menawarkan nasihat politik kepada kerajaan berhaluan kiri di Amerika Latin, seperti Venezuela dan Bolivia.

Podemos membantah dasar penjimatan yang menghakis kebajikan masyarakat. Podemos mengemukakan idea membangunkan semula ekonomi melalui cara pemantauan secara demokratik oleh rakyat biasa, jaminan pendapatan pekerja, pendekatan membasmi kemiskinan dan sebagainya. Podemos berpendirian bahawa Perjanjian Lisbon perlu dimansuhkan dan membebaskan Sepanyol daripada dasar ekonomi neo-liberal. Podemos menuntut supaya Sepanyol keluar daripada sebahagian perjanjian perdagangan bebas. Podemos menyokong sebarang perubahan

dalam perlembagaan perlu dilakukan melalui referendum. Podemos menuntut supaya Sepanyol keluar daripada Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO). Podemos juga menyokong hak untuk menentukan nasib sendiri oleh bangsa-bangsa yang bergabung dalam Sepanyol. Podemos menekan pada politik baru yang berasaskan penyertaan orang ramai secara demokratik. Ini telah memberikan satu alternatif dalam pilihan politik untuk rakyat bawahan yang ditekan hebat oleh dasar-dasar yang pro-kapitalis.

Podemos pertama kalinya melibatkan diri dalam politik pilihanraya pada tahun 2014, semasa pilihanraya Parlimen Eropah. Pada masa itu, Podemos memperoleh sebanyak 7.98% daripada jumlah undian (bersamaan 1,253,837 undi), dan meraih sebanyak 5 daripada 54 kerusi Parlimen Eropah untuk Sepanyol. Sekarang ini, undi yang diperolehi Podemos telah bertambah secara berlipat-ganda, sehingga mencabar kekuasaan dua parti politik tradisional yang sedia ada.

Kejayaan Podemos boleh disamakan dengan SYRIZA di Greece. SYRIZA telah menang dalam pilihanraya pada Januari 2015 dan memerintah Greece untuk kali pertama. Namun, disebabkan ancaman yang hebat daripada pemiutang yang terdiri daripada kuasa besar Eropah, kerajaan SYRIZA terpaksa akur pada syarat-syarat penjimatan yang dipaksakan ke atas Greece. Ini telah memberi pukulan hebat kepada politik kiri yang anti-penjimatan di Eropah. Namun, dengan pencapaian Podemos di Sepanyol yang memberangsangkan, golongan kiri di Eropah mendapat nafas baru untuk meneruskan perjuangan menentang dasar ekonomi yang menekan rakyat biasa. ##



oleh Shazni Bhai

Sebut saja 'Tamil', tiada perkara lain yang lebih padan selain dikaitkan dengan filem. Nombor dua bolehlah disebutkan drama TV. Filem sebagai bidang yang melonjakkan Tamil sebagai bahasa dan masyarakat, dan drama TV sebagai bidang yang mendatangkan masalah kepada masyarakatnya. Mungkin pengetahuan aku dangkal, tetapi tak dapat nak disebutkan perkara-perkara lain seperti makanan, muzik, tempat untuk dilawati, mahupun tokoh politik yang berkaitan dengan 'Tamil'.

Meskipun subjek kita pada keluaran kali ini ialah sebuah filem bergenre drama, namun kita tidak akan sembangkan mengenai filem dan drama TV Tamil secara meluasnya. Kerana filem tempatan yang menjadi fokus kali ini ialah bukan sekadar filem Tamil seperti anggapan beberapa orang terhadap Jagat. Ia adalah filem orang Malaysia.

Akibat kepayahan untuk mendapatkan tiket di bandar terdekat, rakan serumah aku terpaksa menempah tiket dalam talian. Maka kami telah memandu sejauh 69.4 Kilometer bagi menonton filem itu. Hari itu ialah hari terakhir bagi minggu pertama tayangan.

Kami sampai lambat. Masuk sahaja ke panggung, telah masuk babak di mana dua orang watak duduk di suatu tempat seolah-olah di atas suatu bukit. Jadi, ulasan ini mungkin sekali tidak sempurna kerana aku tidak berkesempatan menontonnya dari mula. Tetapi kita boleh kutip beberapa babak yang mencerminkan beberapa perkara yang menarik. Antara isu yang dapat dilihat dalam filem ini ialah isu samseng, dadah, rasuah, diskriminasi, xenofobia, pengkhianatan, dan pendidikan.

Permasalahan pendidikan dalam sistem sedia ada

Jagat yang berlatarkan era 90-an mengambil tempat di sebuah pekan kecil. Sebahagian besar watak-watak adalah dari generasi kedua atau ketiga keturunan pekerja ladang. Apoi merupakan subjek yang mana pada permulaan, dia sebagai watak yang kita letakkan harapan akan keluar dari kitaran permasalahan. Menjadi seorang yang berjaya melawan norma masyarakat, dan punya pemikiran tersendiri. Akibat ditekan dengan setiap cubaan, akhirnya Apoi akur dengan sistem dan sekaligus dia pula bakal menjadi alat sistem itu sendiri. Seperti juga bapanya yang akhirnya tidak dapat menahan sebak setelah diasak cubaan demi cubaan hidup, akhirnya pantang diri terhadap arak dipecahkan apabila bapanya itu sendiri meneguknya. Pakciknya Mexico pula cuba untuk keluar dari kumpulan yang disertainya. Manakala pakciknya Bala yang pada pandangan penonton seperti orang yang telah insaf sepenuhnya tetapi akhirnya akur kembali kepada dadah.

Sekiranya Apoi diberi peluang oleh bapanya untuk meneruskan dan menerokai minatnya terhadap seni, pastinya dia tidak tertarik ke arah gangsterisme. Sekaligus pembikin



Rugi jika tak dapat tonton

filem telah membawa permasalahan pendidikan dalam filem ini dari sudut pandangan yang agak berbeza sedikit. Pendidikan bukan sahaja bermaksud seseorang itu harus hadir ke sekolah setiap hari, menghafal fakta, dan mendapatkan sebanyak gred A yang mungkin. Yang lebih penting ialah memberi peluang setiap insan menerokai minat dan bakat masing-masing. Apoi juga telah dihukum dengan teruk akibat kreativitinya. Karya seni kostum Michael Jackson yang dihasilkan dari bahan terbuang telah dijamin oleh bapanya yang marah akibat tertekan dengan masalah kerja. Akibat usikannya yang menyebarkan berita palsu tentang kematian gurunya, dia telah diikat ke sebatang pokok. Gurunya tidak dapat menerima hakikat status quonya dicabar oleh seorang murid seperti Apoi. Tidak dinafikan pendidikan kita telah diterap dengan elemen kepatuhan yang sering kali tiada ruang untuk mempersoalkan atau bersifat kritis.

Siapa yang pernah buat panggilan ke talian kecemasan dengan niat untuk mengusik, maka kalian mungkin tergolong dalam generasi era 80-an - 90an yang normal. Tapi bagi konteks filem ini, perbuatan Apoi yang membuat panggilan kecemasan dan mengiau atau menangis sebaik dijawab operator itu menunjukkan bahawa dia perlukan seseorang untuk mendengarnya. Dengan seorang bapa yang berkomunikasi dengannya menggunakan tangan, pasti tiada ruang untuk dia meluahkan isi hati di rumahnya. Seorang anak boleh jadi juga cenderung untuk mencari dan memerlukan ketokohan seorang bapa. Kegagalan seorang bapa untuk berkomunikasi atau meluangkan masa dan ruang dengan anak tersebut, boleh mendorong anak itu untuk mencari ketokohan pada perwatakan atau individu lain. Sekali pun perwatakan itu ialah suatu fiksi, ia akan dijadikan contoh ikutan. Dalam filem ini, watak keperwiraan Rajnikanth iaitu satu fiksi yang telah menarik Apoi. Dalam hakikat hidupnya pula, bapa-bapa saudaranya, telah menjadi ikutan. Di kemuncak dia memahami bahawa keganasan dapat memberikannya kedudukan, Apoi kehilangan kedua-dua bapa saudaranya. Seorang mati dek kerana dadah yang dicampur dengan bahan berbahaya, dan seorang lagi telah mengecewakannya kerana telah mengakhiri karier samsengnya dengan tangisan. Maka di celah-celah itulah hadirnya Chicago mendampingi Apoi. Chicago yang telah mengkhianati Mexico dan kumpulannya sendiri demi mencari untung dengan berpaling

tadah, telah mendapatkan Apoi sebagai perantisnya. Jika filem itu disambung, bukan suatu kejutan Apoi akan jadi seorang pengedar dadah yang muda.

Bukan sekadar fiksi

Filem ini dengan isi cerita dan olahannya telah mendatangkan perasaan seperti ia bukan filem fiksi yang hanya rekaan semata. Ia hidup dan relevan, cerminan masyarakat dan permasalahan sebenar. Gayanya yang bersahaja dan mudah mungkin menjadikan mesejnya boleh dihadap penonton. Tetapi tidak bermakna ia tidak mendetik hati kita untuk berfikir.

Suara latar berita tentang mantan perdana menteri dan pemimpin parti MIC yang menjanjikan kemakmuran kepada masyarakat juga timbul sebagai ironi hidup. Ia disusun berjajar dengan gambaran kedaifan hidup, yang ditunjukkan ketika adegan bapa Apoi terpaksa menggunakan tali rafia untuk mengikat seluar yang semakin longgar. Pembikin filem ini juga bijak mengatur babak yang menggambarkan bagaimana samseng mendapatkan pertolongan dari pihak berkuasa dengan menyogok. Ia dilakukan dengan halus, tetapi adegan Mexico membayar seorang pemberi maklumat yang berupa wajah yang kemas cukup untuk menggambarkan amalan rasuah yang nyata berlaku. Oleh kerana amalan seperti itu biasa dalam kehidupan rakyat, maka tidak sukar untuk penonton menekanya.

Panas baran, kekerasan, dan keberanian Mexico adalah aset bernilai untuk petualang seperti Da Gou selaku kepala samseng yang menjadikan ketakutan sebagai elemen utama bagi mendapatkan keuntungan. Seperti digambarkan tajuk runut bunyi filem itu – “Fear is the path to the darkside” yang dihasilkan oleh Kamal Sabran dari Space Gambus Experiment. Tambahan pula, Mexico dan Chicago hadir dalam dunia samseng ketika dua kumpulan sedang galak berperang sesama sendiri. Pistol bukan sahaja sejenis senjata api, malah ia juga simbol kekuasaan



sejak dari zaman kolonial dulu. Keberanian Mexico memang terbukti apabila dia memilih untuk tidak terhalang oleh ugutan dengan pistol dalam menjalankan kerja yang diarahkan.

Nama samseng di Malaysia, baik individu atau kumpulan, boleh jadi kelak juga. Chicago, Mexico, Sayur, Tomato, Gemini, Pisang, Mamak, Ayam, dan macam-macam lagi. Habis semua benda boleh jadi nama mereka. Kadang-kala media dan pihak berkuasa yang pandai-pandai melabelkan mereka. Tetapi jika nama ini hadir dari mulut mereka sendiri, ia boleh jadi menggambarkan tahap pendidikan mereka. Keadaan mungkin memaksa seseorang mengambil keputusan yang membebaskan dalam hidup. Akan tetapi watak seperti Mexico berpegang teguh pada prinsipnya. Dengan prinsipnya, dia juga dihormati. Mexico cuba sedaya upaya menjauhkan diri daripada urusan niaga dadah. Baginya ia merosakkan hidup. Dia juga marah kepada adik-beradik samsengnya yang cuba membuli seorang pekerja migran. Dengan itu dapat dilihat keganasan untuk Mexico, hanyalah alat untuk cari makan dan bukan digunakan sewenang-wenangnya.

Babak di mana Mexico dipukul oleh adik-beradik samsengnya sendiri dan Apoi dipukul oleh rakan sekolahnya telah menunjukkan bahawa walau kuat mana sekali pun seseorang itu, kadang-kadang boleh juga menjadi bahan pukulan orang lain. Dunia berputar. Tidak selalu yang menjadi pemangsa menang dalam setiap perlawanan.

Kitaran yang perlu dipecahkan

Tanah luas mata memandang yang penuh dengan sampah sarap di akhir babak seolah menggambarkan betapa kitaran yang menghantam memaksa mereka kembali akur. Seperti tiada jalan keluarnya. Dengan kitaran ini, orang kelas bawahan seperti hilang daya walau pada mulanya bersemangat untuk melawan. Seolah-olah hidup memangnya sebegini, tiada apa yang dapat dilakukan untuk perubahan. Masyarakat berketurunan pekerja estet di Malaysia pastinya ada yang menganggap nasib mereka berubah setelah keluar dari kehidupan estet. Tetapi kitaran kemiskinan masih juga tidak dipecahkan.

Walaupun mendapat ulasan dan maklum balas yang positif dari pengkritik, namun Jagat seperti tidak mendapat hak penayangan yang sepatutnya. Pada awalnya, ia cuma ditayangkan seminggu sahaja. Tetapi setelah didesak, tempoh tayangannya dipanjangkan. Namun tidak di semua pawagam. Di negeri Perak, tayangan Jagat hanya seminggu sahaja. Dengan tindakan sabotaj terhadap hasil seni tempatan ini, terbukti produk barat lebih diutamakan. Bayangkan apa akan terjadi apabila TPPA ditandatangani. Mampukah hasil keluaran orang kita, meski betapa tinggi mutunya sekalipun, bersaing dengan hasil keluaran dari negara imperialis yang memang terkenal dengan sifat membulinya? Keadaan lebih parah apabila pemain-pemain industri kadang-kala hanya mementingkan untung segera dan mudah berbanding meyakong usaha tempatan demi kelangsungan perniagaan masing-masing. Kitaran ini juga perlu kita sama-sama pecahkan. ##



Apabila pengeluaran komoditi (iaitu barangan dihasilkan untuk dijual bagi mendapatkan nilai tukarnya) menjadi sesuatu perkara yang rutin dan biasa dalam masyarakat kapitalis, maka wujudnya satu fenomena yang dipanggil **pengasingan** atau **alienasi**.

Pengasingan merupakan satu konsep penting yang digunakan oleh Marx untuk menerangkan buruh bergaji atau kerja upah dalam sistem kapitalis.

Pengasingan membawa maksud benda yang dicipta oleh manusia (sebagai subjek) telah terpisah daripada pencipta (manusia) itu sendiri, bukan lagi tidak dikawal oleh manusia, tetapi bertukar menjadi kuasa asing yang bertentangan dengan manusia, menguasai dan menghambakan manusia.

Pengasingan terjadi kerana wujudnya masyarakat yang dipisahkan mengikut strata kelas sosial. Pengasingan seseorang itu daripada dirinya menyebabkannya dipisahkan daripada sifat kemanusiaannya, dan menjadi hanya salah satu bahagian mekanikal dalam masyarakat kelas.

Dalam masyarakat kapitalis, pekerja mencipta/menghasilkan kekayaan, tetapi kekayaan yang dicipta oleh pekerja itu telah diambil dan dimiliki oleh kapitalis. **Pekerja dikuasai oleh kapitalis.** Oleh yang demikian, buruh pekerja dan kekayaan yang diciptanya telah menjadi kuasa asing yang bertentangan dengan pekerja dan memerintah pekerja itu. Inilah yang dimaksudkan oleh Marx sebagai "**pengasingan buruh**".

Dalam proses pengeluaran industri di bawah sistem kapitalis, pekerja telah hilang kawalannya ke atas kerjanya sendiri, maka hilang kawalannya ke atas kehidupan dan dirinya sendiri. Pekerja itu bukan lagi seorang manusia yang bebas dan wujud secara sendiri, malah dia hanya wujud mengikut bentuk yang diinginkan oleh sistem kapitalis dan kelas kapitalis yang mendominasi masyarakat kapitalis.

Pengasingan buruh di bawah sistem kapitalis boleh dibahagikan kepada 4 kategori:

i. **Pengasingan**

Pengasingan

antara pekerja dengan produk buruhnya.

ii. Pengasingan antara pekerja dengan kegiatan buruh itu sendiri.

iii. Pengasingan antara pekerja dengan idenditinya sebagai seorang pengeluar (intipati-spesis).

iv. Pengasingan antara pekerja dengan pekerja yang lain.

Pengasingan antara pekerja dengan produk buruhnya

Hasil barangan yang dikeluarkan oleh pekerja itu dipisahkan daripada pengawalan pekerja itu sendiri, dan menjadi "musuh" kepada pekerja.

Rekaan produk dan bagaimana produk itu dihasilkan tidak ditentukan oleh pengeluar sebenar (pekerja) ataupun oleh pengguna produk tersebut, tetapi oleh kelas kapitalis. Kelas kapitalis bukan sahaja menguasai buruh manual pekerja (membeli tenaga kerja melalui upah), tetapi juga menguasai jurutera dan pereka industri yang mencipta produk itu, supaya dapat membentuk citarasa pengguna untuk membeli barangan dan perkhidmatan itu dengan niat memaksimumkan keuntungan.

Barangan dihasilkan untuk keuntungan kapitalis, bukannya untuk penggunaan pekerja itu sendiri. Barangan yang dihasilkan oleh pekerja itu dimiliki sepenuhnya oleh kapitalis, bukannya pekerja. Segala keuntungan yang dijana oleh produk hasilan pekerja itu dinikmati sepenuhnya oleh kapitalis, bukannya pekerja. Malah, pekerja boleh disabit kesalahan mencuri jika membawa produk yang dihasilkannya pulang ke rumah dari kilang tanpa kebenaran tuan punya

kilang.

Pengasingan antara pekerja dengan kegiatan buruh itu sendiri

Aktiviti buruh atau kerja menjadi sesuatu yang tidak bermakna untuk pekerja, tidak membawa apa-apa kepuasan kepada pekerja.

Dalam Mod Pengeluaran Kapitalis, penghasilan produk itu dicapai melalui proses dengan urutan yang berasingan, berulang-ulang, dan tiada kesudahannya. Pekerja tidak akan merasai apa-apa makna dalam kerjanya. Tenaga buruh hanya merupakan komoditi yang dijualbeli dan dibayar dengan upah (nilai tukar).

Pembahagian buruh dalam mod pengeluaran kapitalis, menyekat sifat manusia seseorang pekerja itu, iaitu kebolehan manusia untuk menentukan tujuan produk yang dihasilkan. Sifat manusia dalam pekerja itu hanya dapat dipenuhi apabila dia mengawal "subjek buruh" (iaitu dirinya sendiri). Sistem kapitalis bukan sahaja menafikan hak pekerja itu untuk menguasai nilai dan hasil buruhnya, malah merompak kebolehan pekerja untuk membeli (menggunakan) barangan hasilannya atau menerima nilai penuh daripada penjualan produk.

Pengasingan pekerja daripada kegiatan pengeluaran menyebabkan pekerja kehilangan kepakarannya dalam sesuatu jenis buruh produktif. Di bawah sistem pengeluaran industri moden, hubungan sosial sistem kapitalis mengurangkan peranan pekerja kepada hanya sebagai suatu alatan atau objek, maka tidak dapat mengaplikasi setiap aspek sifat manusianya

secara produktif.

Pengasingan antara pekerja dengan idenditinya sebagai seorang pengeluar

Sifat manusia pekerja diputarbelitkan menjadi hanya bahagian mekanikal dalam sistem pengeluaran industri.

"Intipati-spesis" (*Gattungswesen* dalam Bahasa Jerman) merupakan sifat manusia yang sebatian dengan aktiviti hidupnya sebagai seorang pekerja, maka intipati-spesis juga mengandungi segala potensi seseorang itu sebagai manusia. Setiap manusia mempunyai keinginan dan kecenderungan untuk melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan yang mendorong survival manusia secara bersama dan juga mewujudkan kesejahteraan kerohanian. Seseorang insan itu mempunyai nilai psikik yang membolehkannya untuk memahami matlamat tindakannya sebagai idea-idea yang berguna/berhalatuju, bukannya pelaksanaan sesuatu idea atau arahan yang diberikan secara paksaan (sama ada secara sedar atau tidak sedar).


Dalam masyarakat kelas seperti kapitalisme, kelas pemerintah memiliki dan mengawal cara-cara pengeluaran, manakala kelas yang diperintah diperah tenaga kerjanya untuk menghasilkan keuntungan ekonomi sebanyak mungkin untuk kelas pemerintah.

Sifat kemanusiaan pekerja disekat dalam pembahagian kerja di bawah sistem kapitalis, menjadikan pekerja itu hanya salah satu bahagian mekanikal yang hilang kebolehannya untuk menentukan nilai dirinya melalui kegiatan yang bermakna.

Lebih-lebih lagi, penggunaan jentera secara menyeluruh dan automasi sistem pengeluaran industri membolehkan kelas kapitalis yang berkuasa itu memeras kelas pekerja dengan lebih hebat lagi, sehingga pekerja langsung tidak dapat lagi mengerti makna kewujudannya.

Pekerja bekerja hanya untuk mendapatkan gaji yang sekadar mencukupi untuk menyara hidupnya, dan tidak lagi ada apa-apa semangat dan imajinasinya sebagai seorang pengeluar.

(akan bersambung dalam edisi yang akan datang)



Bayaran tinggi, perkhidmatan lembab!



Tahun baru 2016 disambut kemarahan rakyat terhadap kenaikan harga banyak benda. Antara yang paling tinggi kenaikannya adalah tambang KTM, ERL, LRT dan Monorel.

Tambang baru KTM Komuter melonjak naik sebanyak 58%. Harga asal sebelum ini adalah 11 sen bagi satu kilometer tambahan dan sekarang naik kepada 15 sen bagi satu kilometer, naik sebanyak 4 sen bagi setiap kilometer tambahan. Sekarang ini, harga maksimum satu tiket KTM Komuter mencecah RM 7.20 sehala. Tambang baru ini telahpun berkuatkuasa mulai 2 Disember 2015. Ini bermakna seseorang yang bergantung penuh pada KTM untuk berulang alik tempat kerjanya setiap hari akan merasai keperitan ini.

Sebagai contoh, seorang yang menggunakan KTM untuk berulang-alik kerja dari Bangi ke Bandar Tasik Selatan, tambang sehari dahulunya adalah RM5.80, dan kini tambangnya meningkat kepada

RM8.60. Sebelum kenaikan ini kena bayar RM150.80 sebulan, tetapi selepas kenaikan harga belanja untuk KTM Komuter meningkat ke RM223.60 sebulan. Ini adalah satu lonjakan yang tinggi. Ini menjadikan menjadi hampir 20% daripada pendapatan seorang pekerja biasa digunakan untuk pengangkutan awam.

Selaras dengan KTM, tambang ERL, LRT dan Monorel turut meningkat. Peningkatannya hampir 80% ke setiap destinasi (sila rujuk pada jadual).

Tambang meningkat tetapi perkhidmatan masih sangat lembab. Sebagai contohnya, pengangkutan KTM Komuter yang selalu menangguh jadual perjalanan sehingga pengguna terpaksa tunggu lama; pengguna tolak-menolak sesama sendiri untuk menaiki KTM



Komuter semasa waktu puncak. Pengguna terpaksa berdiri sepanjang perjalanan dalam KTM Komuter kerana penuh dengan penumpang. Tanpa memperbaiki situasi ini, kenaikan berlipat ganda tetap tidak adil.

Apakah rasional kenaikan ini? Adakah syarikat KTM dan LRT itu mengalami kerugian? Atau adakah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mahu masyarakat kita mengurangkan penggunaan pengangkutan awam?

Dalam satu berita pada Januari 2014, kajian SPAD sendiri mengatakan bahawa penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang terus meningkat, khususnya ketika waktu puncak sebelah pagi. Kajian itu menunjukkan bahawa penggunaan pengangkutan awam pada 2013 meningkat 1.2 peratus kepada 20.8 peratus berbanding 19.6 peratus pada tahun 2012. Jumlah perjalanan pada waktu puncak sebelah pagi juga meningkat 9 peratus kepada 5.7 juta perjalanan, dengan 827,000 pengguna setiap hari. (Sumber: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/peningkatan-kadar-penggunaan-pengangkutan-awam-beri-semangat-kepada-spad-27816>).

Kajian ini juga menunjukkan bahawa semakin ramai orang menggunakan pengangkutan awam dan ini pasti menunjukkan syarikat pengangkutan awam tidak mengalami kerugian. Jika SPAD dan syarikat pengangkutan awam mempunyai masalah urus tadbir yang tidak efisien, maka beban itu tidak harus dialihkan kepada rakyat.

Peningkatan berlipat ganda ini

membebaskan rakyat. Rakyat sudahpun dibebankan dengan GST 6%, kenaikan tarif elektrik, kenaikan tol, kenaikan kos pendidikan dan perubatan. Tambahan pula dengan kenaikan tambang pengangkutan awam.

Sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan bersepadu harus dijadikan keutamaan negara kita. Tetapi, jika tambang ditingkatkan tanpa memperbaiki kualiti, bagaimana pengangkutan awam menjadi keutamaan rakyat?

Pada masa sekarang, sebahagian besar masyarakat menggunakan kenderaan sendiri menyebabkan kesesakan jalanraya di bandar-bandar kita dan ini meningkatkan pencemaran alam. Jika kerajaan serius dalam menggalakkan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam, maka memperbaiki kualiti harus menjadi keutamaan, bukannya melipatgandakan tambang pengangkutan.

(oleh Sivaranjani)

LALUAN DESTINASI	KM	TAMBAH LAMA (RM)	TAMBAH BARU (RM)	KENAIKAN (RM)
Sg. Gadut-Rawang				
KL Sentral-KL	1.0	1.00	1.20	0.20
KL Sentral-Midvalley	2.3	1.00	1.80	0.80
KL Sentral-Kepong	11.6	1.30	2.40	1.10
KL Sentral-Bandar Tasik Selatan	9.2	1.00	2.40	1.40
P. Klang-Bt. Caves				
KL Sentral-Bank Negara	6.8	2.00	2.00	0.00
KL Sentral-Pantai Dalam	6.1	1.00	1.90	0.90
KL Sentral-Petaling	7.5	1.00	2.10	1.10
KL Sentral-Sentul	6.5	1.00	2.00	1.00
KL Sentral-Subang Jaya	16.2	1.60	2.90	1.30

LALUAN DESTINASI	TAMBAH LAMA (RM)	TAMBAH BARU (RM)	KENAIKAN (RM)
KL Sentral-KLIA/KLIA2	35.00	55.00	20.00
KL Sentral-BTS	4.20	6.50	2.30
KL Sentral-Putrajaya	9.50	14.00	4.50
KL Sentral-Salak Tinggi	12.50	18.30	5.80

LALUAN DESTINASI	TAMBAH LAMA (RM)	TAMBAH BARU (RM)	KENAIKAN (RM)
Pasar Seni-Cempaka	3.40	3.60	0.20
Raja Chulan-Pandan Jaya	3.10	3.40	0.30
Medan Tuanku-Sri Petaling	2.80	5.80	3.00
Sungai Besi-Dang Wangi	2.70	3.90	1.20
Tun Sambathan-Chow Kit	2.50	3.50	1.00
Bandaraya-Cempaka	2.40	3.00	0.60
Bangsar-Seremban	2.30	3.40	1.10
Raja Chulan-Tun Sambathan	2.10	2.50	0.40
Seriwangsa-Kampung Baru	2.00	2.30	0.30
Pandan Indah-Pudu	1.90	2.30	0.40


Walaupun bagaimanapun pengguna akan dapat berjimbat sekiranya menggunakan Myrapid berbanding bayaran tunai.



"Jika tiada rasa malu tentang negara anda sendiri, anda tidak boleh menjadi seorang nasionalis. Dan, rasa malu itu boleh merebak jangkit."

Benedict Anderson, penulis buku "*Imagined Communities*". 26 Ogos 1936 – 13 Disember 2015.

Sudut Komik Apa gunanya TPPA?



OK 2016